

Jilid I
Bil. 66



Hari Rabu
12hb Oktober, 1983

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 9553]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Lalulintas Jalan (Pindaan) [Ruangan 9589]

Rang Undang-undang Pengambilan Tanah (Pindaan) [Ruangan 9629]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S. D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

- Yang Berhormat Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim)
- „ Menteri Penerangan, DATUK MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri merangkap Duta Besar Malaysia ke Indonesia, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K (Besut).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DR TAN TIONG HONG (Raub).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN SABBARUDDIN CHIK (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TEMBAKAU (Keningau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, A.M.P. (Telok Anson).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).

„ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).

„ Setiausaha Parlimen Kementeaian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).

„ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).

„ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

„ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).

„ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).

„ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P. (Kuantan).

„ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).

„ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).

„ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).

„ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).

„ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).

„ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).

„ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).

„ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).

„ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).

„ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).

- Yang Berhormat TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO' JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).

- Yang Berhormat DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P.
(Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S.
(Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T.,
P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).
- „ DATO HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N.,
A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N.,
P.P.T. (Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM,
D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG A.S.D.K. (Kota
Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S.
(Pontian).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J.,
S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P.
(Pengkalan Chepa).
- „ TUAN OMAK BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF,
P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).

- Yang Berhormat TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kempas).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasar Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMED (Pasar Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suher bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Rabu, 12hb Oktober, 1983

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

HICOM—PROJEK
PERINDUSTRIAN

1. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan apakah kemajuan yang dicapai oleh berbagai perindustrian yang dikendalikan oleh HICOM dengan menyatakan kedudukan modal, tempat, sekil dan tarikh operasi setiap projek dan sama ada tindakan pengurangan atau penjimatan perbelanjaan awam akan memberi kesan ke atas pelaksanaan projek-projek tersebut.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang Dipertua, setakat ini HICOM sedang melaksanakan 3 projek perindustrian berat seperti berikut:

- (i) Projek Kilang Simen di Pulau Langkawi, Kedah.
- (ii) Projek Besi Berongga dan Bilik Keluli di Kemaman, Terengganu.
- (iii) Projek Kereta Nasional di Shah Alam, Selangor.

Ketiga-tiga projek ini adalah dalam peringkat pembinaan dan kemajuan pelaksanaan projek adalah mengikut jadual.

Projek Kilang Simen di Pulau Langkawi, Kedah. Projek ini dilaksanakan oleh Kedah Simen Sdn Bhd Syarikat ini mempunyai cadangan ekuiti sebanyak \$180 juta di mana HICOM memegang 40%. Setakat ini ekuiti dibayar berjumlah \$57 juta. Keupayaan keluaran syarikat ini adalah sebanyak 1.2 juta tan setahun. Projek Kilang Simen ini dijangka akan memulakan pengeluarannya pada pertengahan tahun 1984.

Projek Kilang Besi Berongga pula dan Bilik Keluli dilaksanakan oleh PERWAJA Terengganu Sdn Bhd Syarikat ini mempunyai cadangan ekuiti sebanyak \$250 juta di mana HICOM memegang 51%. Setakat ini ekuiti yang dibayar berjumlah \$90,525,002. Keupayaan pengeluaran tahunan sebanyak 600,000 tan, besi berongga yang akan diproses untuk dijadikan 560,000 bilik keluli. Projek ini dijangka akan memulakan pengeluarannya pada pertengahan tahun 1985.

Projek Kereta Nasional pula, ini dilaksanakan oleh Perusahaan Automobile Sdn Bhd (Autom). Syarikat ini mempunyai cadangan ekuiti sebanyak 150 juta di mana HICOM memegang 70%. Setakat ini ekuiti dibayar berjumlah \$32,948,000. Keupayaan pengeluaran tahunan bagi peringkat permulaan adalah sebanyak 80,000 unit dan angka ini akan

meningkat pada 120,000 unit pada tahun 1988. Projek ini dijangka bermula pada bulan Julai, 1985.

Tindakan pengurangan atau penjimatan perbelanjaan awam tidak akan menjejaskan projek-projek HICOM yang tersebut di atas yang sedang giat dilaksanakan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang Dipertua, memandangkan bahawa salah satu faktor yang penting untuk menjayakan industri berat ini ialah untuk melengkapkan rakyat khususnya pekerja khas tentang kemahiran teknologi yang begitu tinggi. Suka saya mendapat tahu apakah rancangan pihak Kerajaan baikpun untuk jangka pendek ataupun jangka panjang untuk melengkapkan rakyat dengan kemudahan yang dapat memberikan latihan kepada mereka untuk mencapai satu tahap kemahiran teknologi yang tinggi bagi menjayakan industri berat?

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Sukalah saya memaklumkan bahawa sebenarnya sekarang ini ada satu Jawatankuasa yang saya jadi Pengerusinya. Jawatankuasa ini dinamakan Training for Transfer of Technology, ertinya Jawatankuasa Rancangan Latihan Bagi Pemindahan Teknologi dan Jawatankuasa ini khusus memberi perhatian kepada keperluan-keperluan projek-projek besar seperti projek-projek industri berat yang dijalankan oleh HICOM dan Jawatankuasa ini jugalah yang akan menyenaraikan secara terperinci keperluan-keperluan tenaga manusia dan kepakaran-kepakaran serta peringkat atau paras kepakaran yang diperlukan itu dalam jangka masa yang tertentu, yang ada hubungan dengan pelaksanaan projek-projek HICOM itu. Jadi rancangan latihan ini adalah rancangan yang akan dijalankan dalam negeri dan luar negeri dan yang dijalankan bersama dengan industri-industri yang ada hubungan dengan

pelaksanaan projek-projek yang berkenaan. Sekretariat bagi Jawatankuasa ini ialah EPU (Economic Planning Unit).

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri berkenaan, pertama, dalam semua bidang industri berat yang melibatkan penyertaan HICOM, apakah langkah-langkah tertentu yang sedang dan akan dijalankan untuk mengawalkan mutu keluaran ataupun product quality control, dengan izin, untuk memasti keluaran-keluaran industri berat tempatan mencapai mutu antarabangsa?

Yang kedua, dalam hubungan pada Projek Kereta Nasional itu, apakah kajian pasaran (market survey) telah dijalankan oleh pihak berkuasa untuk menentukan permintaan pasaran tempatan dan pasaran luar negeri agar memastikan viability projek itu?

Yang ketiga, adakah pihak Kerajaan bercadang menjalankan dasar 'protectionist' terhadap kereta-kereta yang dibuat oleh negara-negara asing ataupun akan mengenakan cukai yang lebih tinggi ke atas kereta-kereta tersebut supaya penjualan kereta nasional dapat dipastikan dipasaran tempatan?

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang Dipertua, soalan pertama, projek-projek industri berat yang kita laksanakan ini adalah dilaksanakan dengan penyertaan daripada luar negeri iaitu daripada pihak yang mempunyai kepakaran dalam bidang-bidang yang tertentu itu, ertinya dalam industri ataupun dalam pengeluaran yang dicadangkan itu. Jadi, kita yakin bahawasanya penyertaan mereka itulah yang akan dapat membantu bagi menentukan bahawasanya pengeluaran kita itu akan terjamin mutunya. Ini adalah penting kerana kita telah pastikan daripada

awal bahawasanya dalam perancangan-perancangan yang kita buat itu satu perkara yang menjadi penting ialah the quality of our products.

Kalau kita tidak pastikan perkara ini dapat dicapai—quality product kita itu, maka tentulah nanti kita punya kilang itu akan menghadapi banyak kesulitan untuk mendapat pasaran dan kajian viability projek ini memanglah didahulukan, dibuat dari awal lagi sebelum Kerajaan mengambil keputusan untuk melaksanakan projek-projek industri berat itu, dan begitulah halnya juga dengan Projek Kereta Malaysia, Kerajaan yakin bahawasanya projek itu apabila dilaksanakan nanti akan jadi viable.

Soal bagaimanakah cara-caranya ataupun langkah-langkah yang akan diambil untuk menggalakkan atau untuk menjamin pasaran baik bagi kereta-kereta Malaysia itu, ini akan kita timbangkan dan akan kita tentukan kemudian nanti kerana pasaran kereta memanglah berubah dari semasa ke semasa, maka apa-apa strategi yang kita ambil bagi menentukan adanya pasaran yang baik bagi kereta Malaysia itu tentulah akan mengambil masa dan saya fikir tidaklah dapat kita buat dengan begitu cepat pada masa sekarang ini.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, daripada jawapan beliau tadi bahawa 3 projek telah pun dicadangkan dan nampaknya daripada projek tersebut bahawa HICOM masih lagi mempunyai penglibatan secara langsung di dalam projek tersebut. Apakah di peringkat awal ini Kerajaan tidak menjadikan pengswastan terus kepada projek-projek tersebut, kalau rugi pun tidak akan rugi Kerajaan.

Kedua, sejauh manakah penglibatan rakyat tempatan di dalam menegakkan projek tersebut selain daripada hanya

mendapat kerja terutama misalnya dari segi modal, dari segi keuntungan yang akan didapati oleh rakyat tempatan dalam negara kita ini.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang Dipertua, sekarang ini belum ada lagi apa-apa cadangan kalau hendak mengswastakan projek-projek HICOM ini. Projek-projek HICOM ini sebagaimana kita tahu memerlukan investment yang begitu besar, beratus juta banyaknya dan yang keduanya industri berat ini adalah industri yang baru dimulakan dan Kerajaan lebih berkeyakinan bahawasanya jika projek-projek ini dilaksanakan oleh HICOM maka viability-nya itu, keuntungannya itu lebih terjamin. Itu adalah pemikiran kita pada masa sekarang ini.

Keduanya, memanglah apabila industri berat ini dilaksanakan maka tentulah peluang-peluang yang lebih banyak akan terbuka hasil daripada pelaksanaan projek-projek ini dan peluang-peluang yang terbuka itu, peluang-peluang sampingan yang ada hubungan dengan projek-projek industri berat ini adalah peluang-peluang yang terdapat di negara kita ini dan dengan itu maka peluang-peluang itu tentulah dapat direbut oleh rakyat tempatan.

Tuan Yang Dipertua: Penghabisan, Tanjong.

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri apakah keupayaan ataupun capacity pengeluaran kilang simen Pulau Langkawi yang dicadangkan itu dan adakah kilang ini akan menjejaskan kilang-kilang simen yang sedia ada terutamanya Kilang Simen Perlis yang merupakan sebuah perbadanan awam juga. Tambahan pula adakah Kerajaan bercadang untuk menghadkan pengimportan simen dari luar negeri.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang Dipertua, tadi saya ingat saya telah sebut pengeluaran, keupayaan pengeluaran syarikat ini iaitu Syarikat Simen Pulau Langkawi sebanyak 1.2 juta tan setahun. Soal sama ada ia akan menjadi sebagai menyaingi kilang-kilang simen yang ada sekarang ini di Malaysia, saya ingat itu tentulah akan berlaku soal persaingan itu tetapi sebagaimana yang apa Kerajaan tahu mengikut perancangan tidaklah bermakna bahawa dengan adanya kilang simen yang lagi satu di Pulau Langkawi maka akan terjejaslah atau akan tertutuplah kilang-kilang simen yang lain yang ada di negara kita ini, tidaklah sampai begitu.

Soal menghadkan import simen, ini memanglah menjadi pertimbangan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian iaitu sama ada banyak manakah import simen yang akan dikenakan dari semasa ke semasa, itu bergantung kepada pertimbangan yang akan diambil oleh Kementerian yang berkenaan mengikut keadaan pada masa-masa yang tertentu.

KUALA LUMPUR EXCHANGE KEDUA

2. Tuan Ng Cheng Kuai minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kuala Lumpur Stock Exchange kedua akan beroperasi pada tahun depan dan jika ya, apakah syarat-syarat untuk syarikat-syarikat yang berhasrat menceburinya.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kerajaan tidak mempunyai cadangan yang tertentu untuk menubuhkan pasaran saham kedua di Malaysia. Walau bagaimanapun, Kerajaan sedang menimbang cadangan untuk menubuhkan Papan Senarai Kedua (Second Board) dalam Pasaran Saham

Kuala Lumpur (KLSE) bagi memberi peluang kepada syarikat-syarikat yang berkemampuan, tetapi tidak dapat memenuhi syarat-syarat persenaraian yang ada sekarang, untuk memasuki pasaran modal berdasarkan kriteria persenaraian yang lain.

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Bilakah Kuala Lumpur Stock Exchange ini akan mengemukakan sistem komputer untuk menyebutkan harga-harga dan sebagainya dan juga untuk mengendalikan semua jual beli dan juga segala urusan?

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang Dipertua, pada ketika ini KLSE (Bursar Saham Kuala Lumpur) telah menjalankan computerisation dan bukan sahaja di KLSE tetapi juga di tiap-tiap Stock Broker di seluruh negara.

DASAR KOMUNIKASI NEGARA

3. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Penerangan menyatakan hasil Simposium Kebangsaan "Menuju suatu Dasar Komunikasi Negara" yang telah diadakan dari 6hb Ogos hingga 9hb Ogos 1983 di Kuala Lumpur. Apakah keputusan yang telah diambil mengenai saranan garis panduan komunikasi tidak patut berbentuk perundangan tetapi dasar, dan mereka yang hanya menyokong suatu konsep komunikasi sahaja.

Timbalan Menteri Penerangan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman): Tuan Yang Dipertua, Kementerian Penerangan telah mengambil maklum segala saranan yang dikemukakan oleh para peserta di Simposium Ke Arah Dasar Komunikasi Negara yang telah diadakan pada 6hb hingga 9hb Ogos, 1983. Dasar Komunikasi Negara yang sedang diusahakan itu akan menegaskan suatu garis panduan yang

menyeluruh berteraskan ideologi Rukunegara supaya semua media komunikasi dapat menyumbang ke arah pencapaian matlamat pembangunan negara. Ianya tidak akan merupakan satu bentuk undang-undang.

Tuan Sim Kwang Yang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan berhubung dengan Dasar Komunikasi Kebangsaan yang dicadangkan sekarang, adakah pihak Kerajaan bercadang untuk memasuki satu prinsip yang diterima oleh Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu, iaitu hak warganegara untuk mendapat tahu (right to know). Jika jawapannya 'ya', saya ingin tahu sama ada pihak Kerajaan akan merumuskan satu Dasar Komunikasi Kebangsaan yang liberal dan terbuka yang menggalakkan serta mempertahankan kebebasan komunikasi sebagai hak asasi manusia di mana langkah untuk meletakkan BERNAMA sebagai satu agensi untuk mengawal dan mengkongkong berita-berita asing akan dibatalkan kerana langkah tersebut melanggar kebebasan komunikasi rakyat dengan luar negeri.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang Dipertua, saya rasa soalan Yang Berhormat yang begitu panjang tadi saya tak perlu menjawabnya kerana tidak langsung tersebut di dalam perbincangan kita soal hak dan kebebasan pemberita-pemberita kita.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah pihak Kementeriannya hendak mengadakan satu garis panduan mengikut garisan menegak ataupun garisan melintang dan adakah ini akan menjadi satu monopoli oleh parti pemerintah sahaja.

Tuan Yang Dipertua: Soalan yang kedua itu tak usah jawab.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Soalan yang pertama, Tuan Yang Dipertua, saya tak faham, garisan tegak, garisan melintang.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang Dipertua, garisan menegak itu ialah suatu garis daripada Kerajaan sahaja, tidak ada campuran atau penyertaan daripada rakyat. Garis melintang itu campuran daripada rakyat jelata.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang Dipertua, sebenarnya itulah sebabnya kita mengadakan perbincangan dengan pakar-pakar dan mereka yang terlibat di dalam bidang ini dan ketika ini agak sukar bagi saya hendak menyatakan sama ada kita hendak mengambil garis melintang ataupun garisan menegak kerana segala perbincangan itu masih sedang diteliti lagi.

INDUSTRI BERAT DI SETIAP NEGERI

4. **Wan Abu Bakar bin Wan Mohamad** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan merancang untuk menempatkan sekurang-kurangnya satu "Industri Berat" bagi setiap negeri di Malaysia;
- (b) hingga setakat ini negeri-negeri manakah yang telah ditempatkan oleh Kerajaan untuk pembinaan Industri Berat tersebut; dan
- (c) berapa banyak pula Industri Berat telah dirancang dalam masa lima tahun akan datang dan cadangan negeri-negeri yang ditempatkan.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang Dipertua, Kerajaan tidak mempunyai rancangan untuk menempatkan sekurang-kurangnya satu projek Industri Berat bagi setiap negeri di Malaysia. Walau bagaimanapun, selaras dengan dasar Kerajaan untuk mensembangkan

pembangunan wilayah di negara ini Kerajaan berusaha supaya projek-projek industri berat di mana yang boleh ditempatkan di tiap-tiap negeri, terutama di negeri-negeri yang kurang maju.

Faktor-faktor yang perlu diberi perhatian bagi menempatkan sesuatu projek ialah terutama sekali kemudahan infrastruktur, kuasa elektrik dan bekalan air yang mencukupi dan dekatnya dengan pasaran. Misalnya Projek Besi Berongga dan Keluli yang ditempatkan di Telok Kalong, Terengganu ialah kerana di situ terdapat sumber gas asli dan bekalan elektrik yang cukup dan adanya kawasan yang sesuai berhampiran dengan pelabuhan laut dalam.

Seperti yang telah dinyatakan, Kerajaan tidak mempunyai rancangan yang menetapkan bahawa sesuatu projek industri berat diletakkan di sesebuah negeri di negara ini. Walau bagaimanapun, setakat ini 3 projek industri berat sedang dalam peringkat pelaksanaan oleh HICOM seperti berikut:

Kilang Simen Pulau Langkawi;

Kilang Besi Berongga di Terengganu;

Kilang Kereta di Shah Alam,

seperti yang saya sebutkan tadi pada masa menjawab soalan yang pertama.

Kerajaan juga tidak mempunyai Rancangan Lima Tahun yang mana mengandungi maklumat mengenai jumlah dan juga penempatan bagi projek-projek industri berat di mana-mana negeri di negara ini. Walau bagaimanapun, HICOM sedang merancang untuk melaksanakan projek-projek seperti berikut yang mana lokasinya masih lagi belum muktamad, belum ditentukan, iaitu:

Kilang Enjin Motosikal; ada dua sebenarnya kerana ini adalah usaha

sama dengan dua pihak syarikat yang berlainan;

Kilang Tuangan Acuan Aluminium (Alumineum Die Casting);

Projek Coal Rolling Mill;

Projek Palpa dan Kertas; dan

Kompleks Kejuruteraan.

Ini adalah projek-projek HICOM yang dalam perancangan dan lokasi untuk projek-projek ini belum ditetapkan secara muktamad lagi.

Wan Abu Bakar bin Wan Mohamad:

Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Dari jawapan Menteri yang berkenaan sebentar tadi kita diberitahu bahawa tidak ada rancangan untuk menetapkan satu industri berat di tiap-tiap negeri. Soalan tambahan, adakah Menteri yang berkenaan sedar bahawa wujudnya kawasan-kawasan perindustrian di tiap-tiap buah negeri yang ada sekarang ini memerlukan satu industri berat untuk mengembangkan industri-industri kecil ini. Jadi, tidakkah ada di dalam perancangan Kerajaan untuk menubuhkan juga di tiap-tiap buah negeri satu industri berat bagi membantu dan menaikkan industri-industri kecil yang ada di tiap-tiap buah negeri itu.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad

Badawi: Tuan Yang Dipertua, Kerajaan memang sedar hampir kata di tiap-tiap negeri adanya kawasan-kawasan perindustrian yang telah diwujudkan tetapi pengwujudan kawasan-kawasan perindustrian yang ada sekarang ini setahu saya dalam maklumat, tidak daripada awal-awal lagi menyebutkan bahawa tiap-tiap kawasan ini memerlukan sebuah industri berat. Kawasan-kawasan perindustrian yang ada di tiap-tiap negeri itu adalah cuma kawasan-kawasan untuk menempatkan industri-industri yang akan masuk dalam sesebuah negeri itu kerana kawasan-kawasan inilah tempat-tempat di mana

disediakan infrastruktur-infrastruktur yang difikirkan perlu dan sesuai. Itu yang pertama.

Yang keduanya, walaupun sesebuah industri berat itu ditetapkan misalnya di Terengganu, ini tidak bermakna bahawa peluang-peluang sampingan tidak akan terwujud yang boleh direbut oleh pengusaha-pengusaha yang ada di Pantai Timur, sama ada di Kelantan ataupun di Pahang kerana kesan (side-effect) ataupun kerana peluang-peluang yang akan wujud daripada terlaksananya industri berat itu tak semestinya terhad dalam lingkungan geographical negeri di mana terdapat industri berat.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa Kerajaan tidak mencadangkan berdiri industri berat ini di tiap-tiap buah negeri, kecuali di kawasan-kawasan atau negeri yang agak mundur.

Tuan Yang Dipertua: Yang 'kecuali' itu dia tak sebut pun. Kawasan-kawasan negeri yang agak mundur itu dia tak sebut pun.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Yang agak kurang maju! Di sini saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri adakah pihak Kementerian ini telah meninjau kawasan-kawasan yang tertentu, misalnya katalah kawasan Perak dikatakan sebuah negeri yang maju tetapi negeri Perak ini banyak lagi kawasan-kawasan yang masih mundur, misalnya macam Daerah Kecil Selama dan juga Hilir Perak. Jadi, adakah Kementerian ini bercadang mendirikan industri berat ini di kawasan-kawasan yang dikatakan mundur supaya penduduk-penduduk di kawasan itu dapat menikmati kedudukan industri berat tadi dan

diharap jangan pula didirikan dalam kawasan-kawasan yang maju seperti kawasan DAP (*Ketawa*).

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Mana ada negeri DAP, tak ada.

Tuan Yang Dipertua, soalan yang ditanya itu fasal hendak menempatkan industri-industri berat dan saya katakan tadi bahawasanya yang perlu faktor-faktor yang membantu Kerajaan membuat keputusan tentang lokasi itu adalah yang berhubung dengan kemudahan infrastruktur, kuasa elektrik, bekalan air yang mencukupi dan dekatnya dengan pasaran. Jika faktor-faktor ini didapati ada dan cukup dengan keperluan industri berat yang hendak dikatakan itu dan kebetulan pula ini didapati di negeri yang tidak maju, yang kurang maju ataupun belum maju, maka tentulah menjadi sesuai sekali bagi industri berat itu ditempatkan di negeri itu. Tetapi yang penting sebagaimana yang saya katakan tadi bukan soal majunya atau tidak majunya kawasan itu, tetapi yang sama penting dan juga lebih penting kerana ini ada hubungan dengan kejayaan industri berat ialah infrastruktur yang saya katakan berhubung dengan tenaga, kuasa elektrik, bekalan air dan lain-lain yang boleh menjamin kejayaan industri berat.

SEKOLAH—PERUNTUKAN PEMBINAAN, PENAMBAHAN DAN PENGGANTIAN

5. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) jumlah wang yang diperuntukkan dan digunakan setiap tahun sejak 1976 hingga 1983 untuk memperbaiki sekolah-sekolah, pembinaan sekolah-sekolah baru dan jumlah daripada projek-projek ini yang telah pun disiapkan; dan

- (b) jumlah sekolah-sekolah yang perlu diperbesarkan dan/atau diperbaiki setakat ini, jumlah wang yang diperlukan dan jumlah wang yang diperuntukkan bagi maksud tersebut.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Mohamed Khalil Yaakob): Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawapan bagi soalan (a) yang sebenarnya meliputi peruntukan projek-projek membina, menambah dan mengganti bagi sekolah rendah dan menengah seluruh negara sejak 1976 hingga 1983 adalah:

1976 — \$107,794,806

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri, panjangkah jawapan-jawapan itu?

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Agaknya kalau disebut satu persatu panjang juga.

Tuan Yang Dipertua: Jikalau sebut satu persatu, itu memakan masa. Saya minta Yang Berhormat boleh beri jawapan itu dengan bertulis.

PELABURAN—SISTEM GALAKAN

6. **Tuan Yew Foo Weng** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bilakah insentif pelaburan akan dikaji semula dan bolehkah beliau menyatakan apakah garis panduan untuk insentif tempatan. Apakah perlindungan yang diperuntukkan dalam insentif pelaburan tersebut supaya segala objektif-objektif untuk mengadakan insentif ini tidak akan dieksploitasikan oleh pelabur-pelabur asing yang melabur di negara kita hanya untuk mendapat keuntungan cukai dan perlindungan yang lain sahaja.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin): Tuan Yang Dipertua, Kerajaan sedang mengkaji semula sistem galakan pelaburan yang ada sekarang. Kerajaan sedia menimbangkan pemberian galakan kepada projek-projek perindustrian yang dapat memberikan sumbangan positif dalam pencapaian matlamat perindustrian negara khususnya dari segi penyelerakan kawasan kurang maju, pemindahan teknologi ataupun peningkatan teknologi semasa, penggunaan bahan mentah tempatan, peratus nilai tambahan yang tinggi, peratus pertukaran matawang asing dan pengwujudan peluang-peluang pekerjaan. Syarikat-syarikat tempatan juga layak ditimbangkan untuk mendapatkan galakan cukai yang ada jika ianya mempunyai ciri-ciri yang dinyatakan tadi.

Mengenai kebimbangan yang disuarakan oleh Yang Berhormat bahawa pelabur asing akan mengambil kesempatan dan mengeksploitasi sistem pemberian galakan sekarang, sukalah saya tegaskan bahawa ini merupakan suatu pandangan yang kurang tepat. Tidak semua pelabur asing mendapat faedah pengecualian cukai di atas perusahaan mereka. Projek-projek yang dimiliki oleh warganegara asing diberi galakan hanya sekiranya projek-projek tersebut dapat memberi faedah seperti tersebut di atas kepada negara kita.

Kerajaan juga mempunyai aturcara tertentu untuk memastikan ia akan menikmati galakan tersebut hanya jika ada mempunyai asas-asas pemberian galakan. Sebaliknya saya ingin menyatakan bahawa adalah menjadi dasar Kerajaan untuk menggalakkan pelaburan asing di negara ini untuk mendapatkan sumber teknologi, pasaran dan modal bagi memesatkan lagi pertumbuhan negara dalam bidang perindustrian.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu tempoh yang diberikan kepada pelabur-pelabur asing untuk menikmati insentif ini atau tax holiday, adakah tempoh ini ditetapkan dan ditentukan sebelum mereka datang ke negara kita atau ini akan ditentukan selepas mereka datang dan berapa lama tempohnya? Adakah ini selama satu tahun atau dua tahun, adakah maksima untuk tempoh ini?

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang Dipertua, kita ada menawarkan ataupun menimbangkan beberapa bentuk galakan kepada pihak pelabur-pelabur asing dan juga tempatan berdasarkan jenis perusahaan atau perindustrian yang hendak dijalankan berdasarkan modal yang terlibat, berdasarkan bahan-bahan yang hendak dikeluarkan dan juga faktor-faktor yang lain.

Mengenai tempoh sebagaimana yang disoalkan oleh Yang Berhormat itu, ini adalah berbeza-beza mengikut jenis perindustrian atau perusahaan yang hendak dijalankan.

Sebagai contoh umpamanya sebuah syarikat pelaburan asing yang hendak menjalankan perusahaan di negara ini telah pun mengemukakan permohonannya akan dikaji oleh pihak Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia dan juga Kementerian dan sekiranya didapati ianya layak diberikan galakan taraf perintis ataupun layak diberikan sekurang-kurangnya dua tahun minima sehingga lapan tahun sebagai tempoh untuk pelepasan cukai. Demikian juga kalau sekiranya ia tidak dapat kelayakan dari segi galakan taraf perintis, kita boleh menawarkan galakan-galakan yang lain. Misalnya, dalam galakan menggunakan buruh di mana industri tersebut banyak menggunakan buruh seperti dalam bidang elektronik dan sebagainya, maka di bawah galakan ini syarikat-syarikat yang layak menikmati

pengecualian cukai diberikan tempoh antara 2 hingga 5 tahun berdasarkan kepada jumlah buruh yang digunakan.

Demikian juga dari segi galakan-galakan yang lain termasuk kedudukan iaitu sekiranya industri itu ditempatkan di kawasan-kawasan yang kurang maju yang sudah diwartakan sebagai kawasan-kawasan yang boleh diberikan galakan tempat kedudukan maka syarikat-syarikat tersebut juga boleh diberikan tempoh pengecualian cukai maksima selama 10 tahun iaitu 8 tahun jika syarikat itu membelanjakan sekurang-kurangnya modalnya tidak lebih daripada \$1 juta dan tempoh 2 tahun lagi sekiranya modal itu ditambah lebih daripada \$1 juta. Jadi, dengan sebab itu sebagaimana yang ditanyakan oleh Yang Berhormat tadi tempoh ini adalah berbeza-beza mengikut jenis kawasan, jenis perusahaan dan modal ataupun pelaburan yang terlibat.

AKTA KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA— PINDAAN

7. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja akan dipinda untuk meliputi mereka-mereka yang "self-employed" dan juga pekerja-pekerja "casual"; jika ya, beri butir-butir lanjut; jika tidak mengapa.

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah seksyen 7, Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1951 seorang pekerja yang bekerja sendiri boleh membayar caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dengan memberi notis menyatakan hasratnya untuk mencarum. Kadar caruman bulanan yang minima bagi seseorang pekerja yang bekerja sendiri ialah sebanyak \$5.00 sehingga ke maksima \$250.00.

Bagi pekerja-pekerja 'casual', untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seseorang majikan adalah layak untuk membayar caruman bagi seseorang pekerja 'casual' apabila pekerja berkenaan bekerja secara terus-menerus untuk tempoh melebihi satu bulan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah beliau bercadang untuk meminda Ordinan yang ada ini supaya membolehkan bayaran balik caruman yang dibayar kepada mereka yang berhenti kerja sebelum tahun 55? Dan yang kedua, mereka yang pada mulanya mencarum kemudian disahkan dalam pencen. Jadi, caruman ini dibayar balik lebih awal daripada umur 50 ataupun 55 tahun.

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang Dipertua, itu adalah soalan lain.

Tuan Yang Dipertua: Soalan lain.

JALANRAYA—SEBAB KERUNTUHAN TANAH

8. Tuan Quah Wee Liam minta Menteri Kerjaraya menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menentukan bahawa jalan-jalanraya dibina adalah mengikut spesifikasi dan dalam mutu yang tinggi dan juga apakah sebab-sebabnya keruntuhan tanah di jalan-jalanraya kita iaitu seperti yang berlaku pada awal tahun ini di beberapa tempat di jalanraya utama negara kita.

Timbalan Menteri Buruh (Datuk William Lye Chee Hien): Tuan Yang Dipertua, saya mohon izin menjawab soalan ini bagi pihak Kementerian Kerjaraya.

Tuan Yang Dipertua: Diizinkan.

Datuk William Lye Chee Hien: Terima kasih.

Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, jalan-jalanraya yang terdapat di negara kita adalah dibina mengikut spesifikasi dan mempunyai mutu yang tinggi. Bagi memastikan keadaan ini Kementerian Kerjaraya sentiasa mengawasi dengan rapi proses pembinaan jalan-jalan tersebut. Walau bagaimanapun memang berlaku keruntuhan tanah di jalan-jalanraya yang mana disebabkan oleh:

- (i) Jalan-jalanraya itu melalui atau berhampiran dengan gunung-ganang yang terlalu tinggi;
- (ii) Jalan-jalanraya itu melalui atau berhampiran gaung-gaung yang dalam;
- (iii) Keadaan tanah yang lembut; dan
- (iv) Kawasan yang sering dilanda banjir.

Misalnya pembinaan lebuhraya timur-barat melibatkan pemotongan dalam (deep cut) dan timbunan tanah yang tinggi (high embankment).

Kerosakan yang berlaku di lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban pula berlaku oleh kerana keadaan tanah yang lembut yang mana tidak dapat dikesan semasa pembinaannya.

Tuan Yang Dipertua, walau bagaimanapun Kementerian saya akan mengambil segala tindakan yang perlu bagi memastikan jalan-jalanraya terus dibina mengikut spesifikasi dan mempunyai mutu yang tinggi dan juga mengambil langkah-langkah bagi mengurangkan kejadian keruntuhan tanah di jalan-jalan raya itu.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Terima kasih, Tuan Yang Dipertua. Saya ingin bertanya kepada Kementerian Kerjaraya, dalam jawapannya tadi saya bersetujulah dari segi apa yang diperkatakan itu tetapi apa yang berlaku pada jalanraya dalam

kawasan Hilir Perak, khasnya daripada Telok Intan ke Bagan Datoh dan juga Sabak Bernam, bukanlah disebabkan oleh keadaan gunung-ganang dan sebagainya tetapi keruntuhan jalan itu diruntuhkan sendiri oleh Jabatan Kerjaraya dengan projek-projek yang sedang berlaku di situ. Jadi adakah Kementerian ini sedar kenapa dilakukan seperti itu? Saya beri contoh oleh kerana pengorekan untuk membekalkan paip air dikorek berhampiran dengan tepi jalanraya menyebabkan jalan raya itu runtuh. Jadi kenapa dikorek berhampiran dengan tepi jalan raya, sedangkan reserve-reserve Kerajaan masih ada untuk mengelakkan daripada keruntuhan jalan raya. Adakah Kementerian Kerjaraya sedar perkara ini ataupun tidak dan apakah langkah diambil untuk menjaga kepentingan jalan raya itu oleh sebab keadaan yang seperti itu menyebabkan banyak kemalangan berlaku. Terima kasih, Tuan Yang Dipertua.

Datuk William Lye Chee Hien: Tuan Yang Dipertua, sebenarnya saya tidak sedar perkara ini. Saya akan sampaikan perkara ini kepada Kementerian Kerjaraya supaya dapat disiasat.

Tuan Yang Dipertua: Bukan Jabatan Kerjaraya yang korek itu, Jabatan lain. (Ketawa).

SELANCAR EMPAT—SKENDAL BURUH

9. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Buruh menyatakan:

- (a) hasil siasatan yang dijalankan ke dalam Skandal Buruh Selancar Empat di mana pekerja-pekerja kontrak telah tertakluk kepada penyalahan-penyalahan yang tidak berperikemanusiaan;
- (b) apakah Kerajaan telah menjalankan satu kajian menyeluruh untuk menentukan

sama ada penyalahgunaan buruh seumpama itu telah berlaku di sekim-sekim FELDA atau estet-estet dan ladang-ladang lain; jika ya, nyatakan hasil kajian tersebut; dan

- (c) apakah langkah-langkah undang-undang dan pentadbiran yang akan diambil untuk mencegah penyalahgunaan buruh dalam amalan kontrak buruh dalam berbagai projek perindustrian dan pertanian.

Timbalan Menteri Buruh (Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang Dipertua, bagi menjawab soalan (a) di bawah Seksyen 63 (a) Akta Kerja 1955 seseorang majikan adalah dikehendaki memberitahu Jabatan Buruh atas permulaan perniagaannya untuk membolehkan pegawai-pegawai buruh menjalankan pemeriksaan bagi memastikan pihak majikan mematuhi segala peruntukan Undang-undang Buruh. Dalam keadaan atau kejadian kes yang berlaku di Selancar Empat pihak majikan telah gagal berbuat demikian maka dengan itu telah melanggar peruntukan di bawah Akta Kerja 1955. Selain daripada itu telah juga didapati bahawa pihak majikan telah tidak mematuhi peruntukan-peruntukan di bawah Akta Piawai Minimum Perumahan Pekerja 1966, Akta Pertubuhan Keselamatan Sosial 1969 dan Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1952 yang mana dikelolakan oleh Kementerian Kewangan. Akibat dari tindakan Jabatan Buruh pemborong utama telah membayar tunggakan gaji berjumlah sebanyak \$7,503.00 kepada pekerja-pekerja yang berkenaan. Tindakan pendakwaan sedang juga diambil ke atas pihak yang berkenaan dan kes tersebut telah dihadapkan kepada Mahkamah Majistret Kuala Rompin, Pahang pada bulan September, 1983. Selain dari itu tindakan sedang juga diambil terhadap pemborong utama

supaya membayar tunggakan-tunggakan caruman kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial yang berjumlah sebanyak \$5,320.70 sen. Pihak Kumpulan Wang Simpanan Pekerja di bawah Kementerian Kewangan sedang juga mengambil tindakan untuk mengutip tunggakan caruman KWSP berjumlah sebanyak \$29,000.00.

Tuan Yang Dipertua, ingin saya menegaskan di sini bahawa Kementerian Buruh dengan kerjasama dari pihak-pihak yang berkenaan akan mengambil segala tindakan yang sewajarnya supaya peruntukan Undang-undang Buruh akan dipatuhi dan Kerajaan akan mengambil tindakan bagi menjaga kebajikan pekerja-pekerja seperti yang termaktub dalam Undang-undang Buruh tersebut.

Tuan Yang Dipertua, bagi menjawab soalan (b), Kementerian saya melalui Jabatan Buruh sentiasa mengesan keadaan pekerja-pekerja melalui pemeriksaan terkanun dari semasa ke semasa. Tinjauan secara menyeluruh akan juga dijalankan jika difikirkan perlu.

Untuk menjawab soalan (c) tindakan-tindakan pentadbiran dan penguatkuasaan Undang-undang yang sedang dan akan diambil oleh Kementerian Buruh seperti mendapatkan senarai pemborong-pemborong dan mengadakan dialog dengan mereka mengenai berbagai Undang-undang Buruh menjalankan pemeriksaan terkanun terhadap mereka dan membuat syor-syor serta mengambil tindakan-tindakan pendakwaan bagi menguatkuasakan Undang-undang.

KEPULAUAN TERUMBU LAYANG-LAYANG

10. Datuk Jamaludin bin Haji Suhaimi minta Menteri Luar Negeri menyatakan bagaimana perkara

tuntutan Vietnam ke atas Kepulauan Terumbu Layang-layang dan apakah ikhtiar menafikannya.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang Dipertua, kehadiran kita di Terumbu Layang-layang adalah selaras dengan hak kedaulatan negara kita ke atas Terumbu tersebut. Pihak Vietnam pula dalam bantahannya telah menyatakan bahawa Terumbu tersebut ialah kepunyaan negara itu. Tetapi pihak Vietnam telah menyatakan kesediaannya untuk menyelesaikan perkara ini secara perundingan. Namun demikian ingin saya tegaskan di sini bahawa Terumbu Layang-layang telah sepanjang masa dan sememangnya adalah sebahagian dari negara Malaysia.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang Dipertua, saya mendapat tahu bahawa terdapat tentera Malaysia di kepulauan ini sekarang dan jikalau benar, apakah yang dibuat di situ oleh pasukan tentera itu.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang Dipertua, tentera kita cuma hadir untuk berjaga-jaga di pulau Terumbu kepunyaan kita.

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

11. Tuan V. Govindaraj minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada pengambilan mahasiswa untuk Universiti Teknologi Malaysia akan diuruskan bersama-sama dengan lain-lain Universiti tempatan melalui Unit Pusat Universiti.

Menteri Pelajaran (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang Dipertua, pengambilan-pengambilan pelajar-pelajar untuk Universiti Teknologi Malaysia memang diuruskan dengan kerjasama Unit Pusat Universiti sepertimana dibuat dengan Universiti-universiti lain.

DASAR EKONOMI BARU

12. Tuan Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat sesungguhnya Dasar Ekonomi Baru itu dilanjutkan hingga ke 1990.

Tuan Karpal Singh: Tuan Yang Dipertua, soalan yang No. 12. Saya minta maaf, ada kesilapan dalam soalan ini. Perkataan 'hingga ke' dalam akhir soalan ini jadi 'selepas' bukan 'hingga ke 1990'.

Tuan Yang Dipertua: Selepas.

Tuan Karpal Singh: Selepas 1990.

Tuan Yang Dipertua: Sila jawab.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Jadi nampaknya Yang Berhormat sudah tukar soalan. Jadi jawapannya ialah begini sahajalah. Tentang sama ada kita Kerajaan akan melanjutkan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru selepas tahun 1990 ini bergantung kepada pengkajian keseluruhan pencapaian dasar itu apabila tiba masa 1990 iaitu pada waktu mana sepatutnya pelaksanaan itu berakhir.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Lim Liang Seng.

(Soalan No. 13 Y.B. Tuan Lim Liang Seng tidak hadir)

SEKOLAH-SEKOLAH VOKESYENAL DI KUCHING

14. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Pelajaran menyatakan:

(a) setakat manakah sekolah-sekolah Vokesyenal di Kuching, Sibul, Miri dan Bintulu diubahsuai untuk melatih rakyat Sarawak supaya mereka dapat memainkan peranan yang penting dalam pembangunan Negeri Sarawak. Adakah

Kerajaan bercadang untuk menambahkan sekolah-sekolah Vokesyenal dan teknik di Sarawak; dan

(b) menyatakan bila kerja membina Universiti Pertanian di Bintulu dimulai.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang Dipertua, sukacita saya memaklumkan kepada Yang Berhormat, sekolah-sekolah menengah Vokesyenal Kuching, Sibul, Miri dan Bintulu ditubuhkan untuk memberikan pendidikan kemahiran asas kepada pelajar-pelajar Sarawak dalam beberapa bidang perdagangan dan ketukangan seperti pemasangan dan penyenggaraan elektrik, merepair dan membaiki radio dan talivisyen dan elektronik, menggegas dan memesis, kerja-kerja kepingan logam dan kimpalan ataupun welding, kerja-kerja kayu dan binaan bangunan dan mekanik am. Dalam bidang perdagangan pula seperti kursus menaip, kursus trengkas, kursus perdagangan mengikut kurikulum Sijil Pelajaran Vokesyenal Malaysia. Di samping itu untuk mengatasi kekurangan tenaga mahir yang mendadak terutama sekali di kawasan Bintulu, Sekolah Menengah Vokesyenal Miri telah diubahsuai dengan mengadakan kursus pendek 6 bulan dalam bidang-bidang seperti kimpalan, menggegas mekanik am, elektrik, ketukangan kayu, membengkok besi, menerap bata dan pemasangan paip.

Sehubungan dengan itu, saya suka menekankan lagi di sini bahawa Jabatan Pelajaran Negeri bekerja rapat dengan Jabatan-jabatan Kerajaan Negeri Sarawak menerusi State Planning Unit dalam aspek menentukan tenaga-tenaga mahir yang sangat diperlukan di samping menentukan kursus-kursus di sekolah-sekolah menengah vokesyenal seperti yang dimaklumkan pada awal tadi.

Kerajaan memang bercadang untuk menambahkan bilangan sekolah menengah vokesyenal di Sarawak. Sekolah Menengah Vokesyenal Betong sudahpun siap dibina dan dijangka akan dibuka dalam tahun 1984. Di samping itu Kementerian Pelajaran sedang merancang membina Sekolah Menengah Vokesyenal Sri Aman, Sarikei, Luar Bandar Kuching, Limbang dan Kapit.

Untuk menjawab soalan (b), projek kampus Universiti Pertanian di Bintulu yang terletak di Daerah Tanah Kemena, Bintulu di atas kawasan seluas 1,765 ekar telah dimulakan dengan pembangunan kawasan ladang pada 1-7-1980. Kemudiannya, pada 1hb Jun, 1981 kerja-kerja penyediaan tapak bangunan-bangunan dan kadar-kadar infrastruktur telah dimulakan dan telah siap pada bulan Januari, 1982. Sementara itu lukisan-lukisan dan anggaran kos awal projek telah siap diproses oleh Jawatankuasa Kecil Piawaian dan Kos (Unit Perancang Ekonomi) dan projek ini sekaranglah sedang di peringkat penyediaan tender.

Walau bagaimanapun, dalam keadaan kemelesetan ekonomi negara sekarang ini pembinaan kampus Universiti Pertanian Malaysia di Bintulu terpaksa ditangguhkan buat sementara waktu sehingga keadaan ekonomi negara pulih kembali.

Tuan Sim Kwang Yang: Soalan tambahan, saya minta Yang Berhormat Menteri Pelajaran memberitahu Dewan yang mulia ini sama ada Kerajaan bercadang untuk menubuhkan satu universiti yang bebas dan penuh di negeri Sarawak?

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Bagaimanakah maksud universiti yang bebas itu, Tuan Yang Dipertua?

Tuan Yang Dipertua: Saya rasa soalan itu tak bersangkutan dengan soalan asal.

**BUMIPUTRA MALAYSIA
FINANCE (BMF)
DI HONGKONG—SKENDAL**

15. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada siasatan ke dalam ringgit Syarikat Bumiputera Malaysia Finance (BMF) di Hong Kong telah menunjukkan bahawa (i) BMF telah dikendalikan sebagai sebuah badan berotonomi yang bebas dari penyeliaan Bahagian Antarabangsa Bank Bumiputra dan keputusan-keputusan mengenai peminjaman telah pada keseluruhannya dibuat oleh Lembaga 2 orangnya sendiri yang mengandungi Lorraine Osman dan Mohamed Hahsim Shamsuddin tanpa rujukan kepada Lembaga Pengarah Bank Bumiputra; (ii) bahawa terdapat konflik kepentingan di pihak BMF dan pengurusan atasan Bank Bumiputra dalam pemberian pinjaman-pinjaman tersebut disebabkan perniagaan persendirian mereka sendiri; (iii) Pengurus Besar (BMF) Ibrahim Jaafar, telah beberapa kali memperolehi kemudahan-kemudahan over-draf persendirian yang besar yang dijamin oleh Kumpulan Carrian, peminjam terbesar BMF; (iv) penglibatan Bank Bumiputra secara langsung atau tidak langsung dalam operasi menyelamatkan Kumpulan Carrian daripada "insolvency"nya; dan apakah langkah-langkah yang Kerajaan telah mengambil untuk membetulkan perkara yang tersebut di atas ini.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang Dipertua, saya diberitahu bahawa BMF sebagai sebuah anak syarikat Bank Bumiputra adalah diuruskan oleh sebuah Lembaga yang berasingan. Oleh itu, keputusan-keputusan mengenai pinjaman-pinjaman yang

dikeluarkan oleh BMF adalah dibuat oleh Lembaga BMF sendiri tanpa rujukan kepada Lembaga Pengarah syarikat induknya. Walaupun begitu, anak syarikat ini ada mengemukakan maklumat-maklumat mengenai operasinya kepada Bahagian Antarabangsa Bank Bumiputra.

Saya juga diberitahu bahawa pihak Bank Bumiputra tidak sedar tentang wujudnya sebarang percanggahan kepentingan (conflict of interest) oleh Pengarah BMF berkaitan pinjaman-pinjaman yang dikeluarkan oleh BMF. Saya juga diberitahu bahawa Pengurus Besar BMF pernah melaporkan kepada Lembaga Pengarah BMF bahawa beliau pada satu ketika pernah memperolehi kemudahan pinjaman persendirian yang dijamin oleh Syarikat Carrian tetapi pinjaman itu telah dijelaskan dan kemudahan itu telah dibatalkan.

BMF bersama-sama dengan beberapa buah bank dan institusi kewangan yang besar yang lain yang terlibat sama di dalam pemberian pinjaman kepada Syarikat Carrian itu telah bersama-sama dalam usaha untuk mencari jalan menjadualkan pembayaran balik pinjaman kumpulan Syarikat Carrian. Di samping itu pihak pengurusan Bank Bumiputra sendiri telah, sedang dan akan mengambil tindakan-tindakan lanjut yang difikirkan perlu untuk melindungi kepentingan BMF.

Tuan Lim Kit Siang: Jawapan Yang Berhormat Menteri Kewangan bahawa pihak Lembaga Pengarah tidak tahu bahawa ada conflict of interest atau kepentingan yang bercanggah yang berlaku, tidakkah Lembaga Pengarah dan juga mereka yang bertanggungjawab atas Bank Bumiputra itu membaca akhbar-akhbar antarabangsa dalam bulan Mac begitu awal sudah melaporkan mengenai perkara-perkara yang

bercanggah, kepentingan yang berkonflik dengan nama-nama orang yang terlibat, termasuk seorang Pengarah Bank-bank atau syarikat-syarikat yang terlibat dan angka-angka wang yang terlibat dan apakah tindakan sudah diambil terhadap kes-kes yang sangat jelas ada conflict of interest itu?

Yang kedua, mengenai laporan Pengurus Besar, Bank Bumiputra Ibrahim Jaafar, ada buat kepada lembaga bahawa ada dapat kemudahan kredit, adakah laporan itu dibuat sebelum atau selepas kemudahan kredit itu didapati, sebelum atau selepas perkara itu dibongkar dalam akhbar-akhbar antarabangsa. Dan kenapakah dalam perkara ini Kementerian Kewangan atau Kerajaan tidak sanggup untuk mengadakan satu siasatan dan membentangkan satu laporan kepada Parlimen serupa yang berlaku dalam Bank Rakyat sedangkan skandal ini 20 kali ganda lebih serius?

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang Dipertua, setakat saya diberitahu oleh pihak Bank Bumiputra di dalam pemeriksaan yang dijalankan oleh mereka terhadap segala perkara yang berkaitan dengan BMF didapati tidak ada konflik yang terdapat dalam segala urusan yang dijalankan oleh pihak BMF ini. Maka itulah sebab mereka menyatakan bahawa setakat yang diketahuinya tidak ada konflik yang berlaku. Dan mengenai soal Pengurus Besar pula saya diberitahu perkara ini dimaklumkan kepada Lembaga Pengarah BMF bahawa dia telah mendapat pinjaman dengan dijamin oleh syarikat Carrian tetapi sama ada laporan itu dibuat selepas benda ini dimaklumkan menerusi akhbar ataupun tidak, saya minta maaf tak dapat memberitahu sekarang kerana saya pun terlupa bila masanya perkara itu berlaku, tetapi memang dimaklumkan kepada Lembaga Pengarah BMF.

Mengenai mengadakan Suruhanjaya Siasatan Diraja, pihak Kerajaan berpendapat bahawa setakat yang dijalankan sekarang kita berpuas hati bahawa siasatan yang dijalankan menerusi Bank Negara, menerusi Audit Luar Bank Bumiputra dan juga Audit dalam Bank Bumiputra sendiri serta pengurusan bank yang telah ditugaskan untuk menyelamatkan kepentingan BMF adalah mencukupi. Oleh sebab itu tak perlu diadakan Suruhanjaya ataupun membentangkan Kertas Putih mengenai perkara ini. Itu setakat yang kita dapat kaji mengenai perkara yang berlaku.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri siapakah sekarang yang bertanggungjawab ke atas BMF adakah Jabatan Perdana Menteri ataupun Kementerian Kewangan. Siapakah yang sedang menjalankan siasatan ke atas kes itu dan bolehkah laporan siasatan itu dikemukakan di Dewan yang mulia ini?

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang Dipertua, Kerajaan Persekutuan yang bertanggungjawab mengenai Bank Bumiputra dan siasatan yang dijalankan itu adalah sebagaimana saya katakan tadi menerusi usaha-usaha dijalankan oleh Bank Negara menerusi Audit Luar Bank Bumiputra dan Audit Dalam dan saya telah katakan tadi tidak perlu setakat ini untuk saya maklumkan sama ada siasatan itu perlu dinyatakan kepada umum kerana perkara ini sedang disiasat oleh pihak Bank Bumiputra.

Tuan Lim Kit Siang: Sungguhpun Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab, tetapi kita mahu tahu siapakah Menteri atau Kementerian yang bertanggungjawab? Adakah Kementerian Kewangan ataupun Jabatan Perdana Menteri yang

bertanggungjawab Bank Bumiputra oleh kerana ada berlaku percanggahan pandangan dalam bulan Mac Yang Berhormat Menteri Kewangan ada mengatakan bahawa ini adalah di bawah jagaan Perdana Menteri, tetapi semalam Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan ini ialah tanggungjawab Yang Berhormat Menteri Kewangan. Dalam satu perkara yang begitu mustahak nampaknya tidak ada anggota-anggota Kabinet yang tahu siapa yang bertanggungjawab dan mungkin itu satu sebab yang membenarkan skandal BMF berlaku oleh kerana tak ada seorang Menteri pun yang tahu siapa yang bertanggungjawab.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang Dipertua, kita semua bertanggungjawab sama ada Menteri Kewangan ataupun Perdana Menteri, semuanya bertanggungjawab. Kalaulah Perdana Menteri menyatakan Kementerian Kewangan bertanggungjawab maka Kementerian Kewanganlah bertanggungjawab. Tetapi apa yang penting ialah supaya rakyat semua mengetahui bahawa Kerajaan memandang serius kepada perkara ini dan kita mengambil langkah-langkah yang wajar supaya dapat melindungi kepentingan bukan sahaja BMF terutamakali Bank Bumiputra daripada terdedah kepada perkara yang tidak diingini.

GRADUAN UNIVERSITI TEMPATAN—KADAR PENGANGGURAN

16. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Pelajaran menyatakan kadar pengangguran di kalangan para graduan di negara ini. Adakah benar bahawa universiti-universiti tempatan adalah mengeluarkan para graduan di bidang-bidang yang tidak mencerminkan keperluan-keperluan negara. Jika ya atau tidak, apakah buktinya.

Menteri Pelajaran (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang Dipertua, buat masa ini Kementerian tidak dapat memastikan kadar pengangguran di kalangan para graduan dari universiti-universiti tempatan. Ini adalah kerana setakat ini Kementerian saya tidak ada data-data dan maklumat daripada graduan-graduan yang terlibat. Dalam hal ini memang sukar bagi Kementerian dan universiti-universiti mengikuti kedudukan pekerjaan di kalangan siswazah-siswazah universiti. Kesukaran ini adalah disebabkan siswazah-siswazah yang berkenaan tidak memberitahu pihak Kementerian dan universiti-universiti atas kedudukan mereka setelah mereka tamat pengajian.

Dalam soal mengenai universiti-universiti tempatan mengeluarkan para graduan dalam bidang yang tidak mencerminkan keperluan negara setakat ini tidak ada bukti yang tepat mengenai perkara ini. Perlu diingatkan bahawa siswazah-siswazah yang memasuki pasaran kerja di negara ini bukan sahaja graduan-graduan dari universiti-universiti tempatan tetapi juga daripada luar negeri.

Dr Tan Seng Giaw: Memandangkan kadar pengangguran graduan-graduan di negara ini ada satu lapor bilangannya lebih daripada 20,000, saya tidak tahu sama ada ini benar ataupun tidak. Bolehkah Kementerian menjalankan satu siasatan?

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang Dipertua, Kementerian saya tidak mempunyai keupayaan untuk membuat satu "tracer study" untuk memastikan bilangan graduan-graduan yang menganggur ini.

Tuan Alias bin Md. Ali: Soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri sama ada menjadi dasar Kerajaan bahawa setiap pelajar yang lulus daripada universiti dalam

negeri atau luar negeri akan dijamin mendapat pekerjaan ataupun dasar seperti itu tidak wujud.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Dasar ini tidak wujud.

Datin Paduka Zaleha binti Ismail: Soalan tambahan. Adakah pada pendapat Yang Berhormat Menteri Pelajaran, faktor besar yang menyebabkan pengangguran di kalangan para graduan ini ialah kerana mereka suka memilih pekerjaan.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang Dipertua, mungkin itu salah satu daripada faktornya.

Tuan Yang Dipertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi pertanyaan No. 13, 17 dan 18 adalah diberi di bawah ini).

PENIAGA KECIL USAHASAMA BUMIPUTERA/ BUKAN BUMIPUTERA

13. Tuan Lim Liang Seng minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bahawa memandangkan dasar dan hasrat Kerajaan menggalakkan terlaksananya usahasama-usahasama antara Bumiputera dan bukan Bumiputera dalam Sektor Swasta yang diharapkan akan memainkan peranan lebih besar dalam pembangunan negara peringkat sekarang ini, maka sesuatu seperti usahasama antara Koperasi Bersatu dan Multi-Purpose Holdings baru-baru ini adalah sejajar dengan dasar Kerajaan itu; apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk meyakinkan perniagaan-perniagaan bahawa sebarang usaha mereka seumpama itu juga diberi galakan yang sama serta akan diberi pertolongan untuk mengatasi apa-apa rintangan birokrasi yang mungkin ada.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Memanglah menjadi dasar Kerajaan untuk memberi galakan yang sama bagi perniagaan-perniagaan kecil mengadakan usahasama di antara Bumiputera dan Bukan Bumiputera. Malahan Kerajaan tidak membezakan dalam pemberian layanan dan galakannya kepada perniagaan-perniagaan kecil atau besar. Walau bagaimanapun, Kerajaan berharap bahawa di dalam tiap-tiap usahasama yang diadakan, kerjasama yang erat hendaklah wujud di antara Bumiputera dan bukan Bumiputera.

Adalah hasrat Kerajaan juga bahawa usahasama ini dapat mempercepatkan pelaksanaan dasar persyarikatan Malaysia dalam mana pihak swasta dengan sokongan Kerajaan dapat menjalankan aktiviti-aktiviti ekonomi di negara ini.

Kerajaan juga berharap bahawa keikhlasan semua pihak yang terlibat dalam sesuatu usahasama itu perlulah wujud dan cara perniagaan jual nama atau Ali Baba perlu dikikis. Dalam hal ini bantuan Kerajaan hendaklah jangan disalahgunakan. Kerajaan juga berpendapat bahawa peluang-peluang perniagaan sekarang hendaklah dilihat tanpa batasan-batasan perkauman tetapi kedua-dua kaum ini adalah saling memerlukan kerjasama.

Kerajaan juga sentiasa memberi sokongan kepada Dewan-dewan Perniagaan Melayu dan China untuk mengadakan usahasama dan perhatian yang berat adalah diberi kepada usahasama tersebut supaya ia mendapat kejayaan.

Langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk meyakinkan perniagaan-perniagaan kecil supaya mengadakan usahasama ini termasuklah langkah-langkah seperti berikut:

- (i) Bahagian Perusahaan Kecil, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sentiasa

memberi nasihat kepada usahawan-usahawan kecil Bumiputera untuk mengadakan usahasama-usahasama dengan Bukan Bumiputera. Nasihat-nasihat tersebut diberi melalui seminar-seminar mengenai perusahaan kecil yang diadakan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan agensi-agensi Kerajaan yang mana Bahagian Perusahaan Kecil turut menyertai seminar tersebut.

- (ii) Bahagian Perusahaan Kecil juga memberi nasihat kepada Bumiputera dan Bukan Bumiputera di dalam ceramah-ceramah yang diberi kepada usahawan-usahawan.
- (iii) Pusat Pamiran dan Rujukan Teknologi juga sentiasa menggalakkan usahawan-usahawan tersebut apabila usahawan-usahawan datang ke Pusat tersebut untuk mendapat nasihat.
- (iv) Latihan-latihan teknikal juga diberi kepada usahawan-usahawan Bumiputera melalui Instituti Penyelidikan Pertanian Malaysia (MARDI), Institut Piawaian dan Penyelidikan Industri Malaysia (SIRIM) dan lain-lain agensi Kerajaan supaya mereka dapat melengkapkan diri dalam projek-projek usahasama mereka dengan Bukan Bumiputera.

Kerajaan telah menubuhkan Bahagian Perusahaan Kecil di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk menolong semua perniagaan kecil termasuk usahasama bagi mengatasi rintangan birokrasi. Pertolongan yang diberi adalah seperti menyelesaikan masalah yang dihadapi

oleh perusahaan kecil tersebut dengan agensi-agensi Kerajaan yang lain serta memberi khidmat nasihat kepada mereka.

PETRONAS—KAJIAN LIQUIFIED PETROLEUM GAS

17. Dr George Chan Hong Nam minta Perdana Menteri menyatakan sama ada PETRONAS ada apa-apa rancangan ataupun membuat kajian untuk menubuhkan sebuah loji “Liquified Petroleum Gas” di Miri oleh kerana terdapat banyak “gas Fields” serta telaga minyak di laut yang berdekatan dengan Miri dan Baram, jika tidak, mengapa.

(Sila lihat jawapan No. 2 pada 10-10-83)

UNIVERSITI KEENAM

18. Tuan Peter Chin Gun Onn minta Menteri Pelajaan menyatakan sama ada sebarang perancangan bagi sebuah Universiti Kebangsaan yang ke 6 dan jika ya, bila dan mana Universiti tersebut akan ditubuhkan.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Kementerian Pelajaran sedang giat merancang penubuhan Universiti Ke 6, dan dalam cadangan kita akan menubuhkan di Negeri Kedah.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG LALULINTAS JALAN (PINDAAN)

**Bacaan Kali Yang Kedua
dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” (11hb Oktober, 1983).

Tuan Yang Dipertua: Saya menjemput Yang Berhormat wakil Jerai menyambung.

3.31 ptg.

Tuan Ismail bin Arshad (Jerai): Tuan Yang Dipertua, seperti yang saya tegaskan pada petang semalam bahawa sepatutnya Rang Undang-undang ini dibawa lebih lama dahulu semoga beberapa masalah yang menjadi persoalan di dalam pentadbiran dan pengurusan berhubung dengan perlesenan dapat diselesaikan, tetapi sehingga masa ini barulah pindaan ini dapat dikemukakan. Saya rasa bagaimanapun adalah wajar dengan pindaan-pindaan yang dibuat ini semoga ianya akan dapat membawa beberapa manfaat dan faedah bagi kelicinan dan kesempurnaan di bawah tanggungjawab dan peranan yang diberikan kepada masalah perlesenan dan sebagainya.

Apa yang saya ingin sentuh di sini Tuan Yang Dipertua, ialah tentang permohonan-permohonan bagi mendapatkan lesen-lesen pengangkutan dikemukakan kepada Lembaga Perlesenan. Saya tidak tahulah sama ada dengan pindaan yang dibuat ini pihak Kementerian baru akan memperkemarkan ataupun akan menyusun semula kedudukan Lembaga, semoga masalah-masalah yang banyak ditimbulkan oleh orang ramai terutamanya misalnya terdapat rungutan-rungutan bahawa surat-surat yang dihantar kepada Lembaga tidak berjawab dan banyak surat-surat dan kes-kes yang lama masih belum selesai dan sebagainya ini akan dapat diambil perhatian dan diambil tindakan segera bagi menyelesaikannya.

Pada petang semalam Yang Berhormat Menteri juga telah menyatakan bahawa terdapat banyak rayuan-rayuan daripada kes-kes yang

belum selesai dan ada kes-kes yang diberi peluang untuk dibuat rayuan. Sebelum ini saya difahamkan bahawa tempoh masa hanya diberikan hanya selama 10 hari sahaja untuk pemohon yang ditolak permohonannya oleh pihak Lembaga bagi dapat mengemukakan rayuan. Walau bagaimanapun, dengan pindaan yang dibuat di mana diberikan peluang sehingga 30 hari ataupun sebulan ini saya rasa amat wajar. Cuma saya harap supaya tidak lagi berlaku seperti masa-masa yang lalu. Sungguhpun masa-masa yang lalu diberikan tempoh 10 hari untuk buat rayuan dukacitanya surat yang bertarikh 10 hari itu dipos hanya dalam masa dua hari ke pihak yang berkenaan. Ini nampaknya menimbulkan rungutan-rungutan yang tidak puashati oleh pihak-pihak yang membuat permohonan dan rayuan. Saya harap dengan peruntukan yang diberikan tempoh 30 hari ini akan benar-benar dihantar ataupun diberikan surat-surat penolakan supaya dapat dibuat rayuan itu dalam tempoh masa yang sebenarnya seperti yang ditentukan.

Satu lagi, yang saya ingin sentuh tentang kes-kes rayuan ini ialah di antaranya misalnya kes-kes permohonan lesen kereta-sewa ataupun teksi, apabila hendak dipertimbangkan semula kes-kes rayuan ini, biasanya terdapat ada satu perkara di dalam surat yang diminta supaya dirayuan itu ialah sokongan wakil-wakil rakyat. Saya rasa ini mungkin kurang bijak sekiranya diminta orang-orang yang berkenaan itu sendiri mendapatkan sokongan-sokongan yang terbuka daripada wakil-wakil rakyat. Jika perlu biarlah Lembaga Perlesenan sendiri menulis kepada wakil-wakil rakyat yang berkenaan untuk mendapat perakuan yang sebenarnya di atas apakah sokongan ataupun kebenaran di atas rayuan itu ataupun sebaliknya. Dan kalau sekiranya diberikan surat yang terbuka yang akan diminta memberi

kenyataan, bererti wakil-wakil rakyat akan di "black mail" ataupun wakil-wakil rakyat pula dijadikan suatu tohmah di mana kalau sekiranya gagal atau sebaliknya adalah tanggungjawab wakil rakyat dan ini adalah saya rasa kurang bijak kerana pihak Lembaga sendiri memerlukan data-data dan memerlukan syarat-syaratnya untuk dipertimbangkan dan pertimbangan itu kalau memerlukan komen ataupun pandangan, biarlah pandangan yang dihantar terus supaya diberikan satu laporan yang sulit kepada pihak Lembaga.

Selain daripada itu Tuan Yang Dipertua, saya juga merasa amat dukacita kerana di kawasan saya sendiri terdapat adanya orang-orang yang memohon lesen teksi ataupun kereta-sewa ini yang kadang-kalanya tidak tahu bagaimana keadaannya akhir-akhirnya dapat begitu sahaja sedangkan tempatnya pun tidak digezet dan selama ini tidak ada diperbincangkan bahawa tempat itu sebagai perlu. Dan sudahlah itu apabila kita mendapatkan maklumat-maklumat kononnya perkara ini senang, boleh pergi sahaja ke atas, boleh dapat.

Saya tidak tahulah bagaimana keadaan ini boleh berlaku dan dengan kerana itulah saya rasa bahawa Lembaga ini perlu diperkemaskan semoga masalah-masalah yang seumpama itu tidak timbul dan bagi mereka yang benar-benar memohon menerusi saluran-saluran yang tertentu dan mempunyai syarat-syarat yang tertentu pula telah mendapati gagal. Dan yang mendukacitakan sekali, orang-orang yang kononnya dapat secara sedemikian ini kadang-kala amat menyakitkan perasaan di mana di dalam keretanya sendiri dipasangnya keset dan keset itu ialah keset yang mengecam dan keset yang menyeru orang ramai supaya mengambil tindakan sesuatu terhadap Kerajaan yang dianggap fasik.

Tuan Yang Dipertua, di dalam permohonan-permohonan yang seharusnya dipertimbangkan di bawah Bahagian (V) Ordinan Lalulintas ini saya rasa Kementerian yang berkenaan juga perlu menyusun semula garis-garis panduan yang tertentu bagi menentukan keperluan-keperluan pengangkutan bagi keseluruhan negara ataupun bagi kawasan-kawasan yang tertentu kerana kedapatan ada tempat-tempat yang begitu banyak sekali permit-permit dikeluarkan dan ada setengah daripada setengahnya bagi tempat-tempat yang diperlukan telah diberi pertimbangan. Saya masih ingat lagi pada satu masa dahulu Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam yang ada sekarang ini telah mengarahkan supaya diwujudkan kembali Jawatankuasa di peringkat daerah, di peringkat negeri tetapi sehingga pada masa ini mengikut laporan dan rungutan-rungutan kononnya bagi pihak Jawatankuasa di peringkat daerah dan peringkat negeri ini tidak begitu berkesan dan kadangkadangkala pihak Lembaga sendiri tidak pernah mengambil apa-apa perhatian terhadap apa yang dikemukakan oleh pihak Jawatankuasa di peringkat daerah dan di peringkat negeri.

Jadi, dengan ini saya berharaplah bahawa dengan pindaan kepada Ordinan Lalulintas Jalan, 1958 dan di mana diberikan beberapa peruntukan untuk memudahkan dan melicinkan lagi pentadbiran perkara pelesenan di bawah Kementerian Perusahaan Awam ini akan dapat benar-benar dijalankan ataupun dapat benar-benar disusun semula garis panduan yang tertentu supaya masalah-masalah yang saya bangkitkan tadi tidak akan berulang lagi.

Dengan ini sekali lagi saya menyatakan sokongan saya kepada pindaan Akta ini.

3.44 pttg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka):

Tuan Yang Dipertua, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Lalulintas Jalan mengenai peruntukan untuk permohonan dan pembatalan lesen-lesen pengangkutan.

Saya mahu mengemukakan satu perkara sahaja iaitu mengenai sangat mustahak pihak Kementerian memastikan bahawa semua permohonan dan pemegang lesen-lesen pengangkutan adalah mempunyai sikap tanggungjawab sivik (civic consciousness) oleh kerana mereka menjalankan urusan mereka di tempat orang ramai dan ada berlaku satu peristiwa baru-baru ini yang menunjukkan bahawa kalau pemegang-pemegang lesen pengangkutan sebagai seorang pemegang lesen teksi tidak ada tanggungjawab sivik, beliau tidak sepatutnyalah terus memegang lesen itu. Peristiwa itu berlaku satu minggu dahulu yang berlaku dekat Rengit di Johor di mana ada seorang suri rumahtangga, Tan Swee Yoke daripada Simpang Sungai Terap, Muar yang balik ke rumah ibubapanya di Rengit membawa dua orang anak-anak perempuannya berumur baru sahaja 5 tahun dan 1 tahun, berada dalam teksi duduk di bahagian tengah tempat belakang di sebelah kanan ada seorang penumpang perempuan berumur 20 tahun, di sebelah kiri ada seorang anggota komando dan dekat Rengit tanpa apa-apa sebab dan suri rumahtangga itu oleh kerana kepalanya pening, dia berehat. Apa yang berlaku ialah beliau sedar bahawa anggota komando itu pegang anak perempuannya yang berumur 5 tahun yang juga sedang tidur dan buang keluar teksi semasa teksi sedang berjalan. Nasib baik anak perempuan itu dalam keadaan tidur dan tidak sedar, kalau tidak mungkinlah akan dapat cedera yang sangat dahsyat dan

nasib baik tidak jatuh dengan kecederaan kepala, mungkin akan meninggal dunia tetapi sungguhpun kes itu satu kes polis apa yang saya mahu timbulkan di sini ialah kelakuan taxi driver itu. Apabila ibu yang berkenaan meneriak dan panggil taxi driver untuk berhenti beliau dipukul oleh anggota komando itu dan apabila teksi berhenti dan ibu itu turun untuk pergi tengok anak-anaknya, taxi driver itu bukan sahaja tidak pergi untuk bantu tetapi memaksa ibu tersebut untuk bayar tambangnya dahulu dan bukan tambang yang biasa tetapi lebih tinggi dan apabila dapat tambang yang lebih tinggi terus dia jalan, tidak hirau keadaan anak-anak itu. Sepatutnya oleh kerana perkara ini berlaku dalam carriernya sepatutnya dia bertanggungjawab untuk membawanya ke hospital atau klinik untuk menjaga keadaan kesihatannya, tetapi tidak.

Saya rasa kelakuan ini tidak boleh dibenarkan dan saya harap bahawa Menteri yang berkenaan boleh buat satu siasatan dan mungkin memulakan proses untuk membatalkan lesen teksi itu dan nombor teksi itu ialah JAH 4029 jenis Opel Gemini. Perkara ini patutlah menjadi satu lesson kepada semua pemegang-pemegang lesen pengangkutan, public carrier baik pun teksi, lori atau sebagainya supaya kalau ada apa-apa yang berlaku dalam tanggungjawab mereka khasnya dalam tanggungjawab mereka bahawa mereka ada tanggungjawab untuk jaga nyawa, jaga kepentingan orang ramai.

3.49 ptg.

Datuk Edwin Anak Tangkun (Batang Lupar): Tuan Yang Dipertua, saya ingin menyentuh satu dua perkara dalam Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Ordinan Lalulintas Jalan, 1958.

Sepatutnya Rang Undang-undang ini sudah lama diluluskan dalam Dewan yang mulia ini kerana Fasal 1

bertujuan membenarkan Menteri berkenaan menetapkan tarikh mula kuatkuasa mengenai Rang Undang-undang ini.

Di sini saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan sama ada pindaan 1983 ini bermula dan berkuatkuasa kepada negeri Sarawak kerana dalam Fasal 12 bertujuan mengadakan satu Seksyen 131 yang baru yang menyentuh tentang kuasa Menteri untuk memutuskan sesuatu rayuan yang dibuat di bawah Bahagian V Ordinan ini.

Tuan Yang Dipertua, saya sangat bersetuju dengan pindaan yang baru ini iaitu Seksyen 131 yang memberi kuasa kepada Menteri supaya Menteri yang berkenaan akan dapat memberi pertimbangan kepada rayuan khasnya rayuan daripada kaum bumiputera yang masih jauh ketinggalan di semua bidang pelesenan.

Tuan Yang Dipertua, contohnya kita semua sedia maklum negeri Sarawak sebuah negeri di dalam Malaysia yang sangat luas dan pembangunan negara dan bandar, baik pun di luar bandar mungkin bertambah maju. Dan begitu juga di bidang rancangan jalan raya mungkin dianggarkan kawasan luar bandar mungkin diteruskan dan oleh hal yang demikian saya anggapkan mungkin timbul juga permohonan lesen pengangkutan dan lesen teksi di seluruh bahagian di negeri Sarawak.

Mengikut Fasal 11 bertujuan mengadakan satu seksyen, seksyen 129 yang baru untuk membolehkan Menteri melantik jawatankuasa-jawatankuasa menimbangkan satu rayuan yang dibuat di bawah Bahagian (V) Ordinan dan membuat syor-syor kepada Menteri berkenaan dengan rayuan itu dan di sini saya harap bahawa Menteri yang bertanggungjawab akan dapat memberi arahan kepada jawatankuasa di peringkat negeri bagi menimbangkan suatu rayuan yang

dibuat di bawah Bahagian (V) Ordinan dan membuat syor-syor kepada Menteri yang berkenaan dengan rayuan itu.

Yang Berhormat Menteri berkenaan petang semalam menerangkan dalam Dewan yang mulia ini bahawa mungkin lebih 10,000 permohonan lesen dari orang ramai belum lagi dapat dipertimbangkan oleh pihak Lembaga Pelesenan. Dan saya fikir permohonan lesen pengangkutan dan lesen yang lain juga tidak patut dibiarkan bahkan jawatankuasa-jawatankuasa di bawah Kementerian ini perlu mengkaji semula dan menimbangkan rayuan orang ramai.

Seksyen 129—Rayuan (appeal) secara bertulis kepada jawatankuasa-jawatankuasa dengan tempoh selama 30 hari. Saya fikir tempoh ini sangat singkat, dan sepatutnya tempoh ini dilanjutkan lagi lebih dari 30 hari supaya ianya akan dapat memberi peluang kepada permohonan yang datangnya dari kawasan luar bandar.

Tuan Yang Dipertua, selain daripada ini ingin saya menyentuh lesen teksi yang baru di negeri Sarawak. Kerana pandangan orang ramai berkaitan dengan perbezaan di antara lesen teksi di Semenanjung dengan lesen teksi di Sarawak tidak sama dan tidak memuaskan kepada penumpang.

Contohnya, Tuan Yang Dipertua, di Semenanjung lesen teksi disediakan dengan tali keledar untuk keselamatan dan kedua motokar yang bernama teksi itu juga disediakan dengan meter supaya tuan punya teksi itu tidak menipu kepada penumpang.

Saya di sini, bukan komplek kepada teksi-teksi di negeri Sarawak bahkan perasaan orang ramai dan masalah di antara teksi dengan penumpang-penumpang teksi itu sering berlaku di Sarawak kerana bayaran teksi itu tidak sama. Dan tuannya teksi boleh meminta dari penumpang dengan suka

hati mereka sahaja dan oleh hal yang demikian saya merayu kepada Menteri yang berkenaan supaya semua lesen teksi di seluruh negara Malaysia perlu dikaji semula dan perlu disediakan dengan tali keledar untuk keselamatan dan kedua, kereta-kereta teksi juga perlu disediakan dengan meter untuk menetapkan bayaran perjalanan dari satu tempat ke satu tempat. Kerana saya dapati bahawa banyak masalah telah berlaku di Sarawak berkaitan dengan bayaran tambang teksi dari satu tempat ke satu tempat. Tidakkah semestinya oleh kerana kereta teksi di peringkat negeri Sarawak tidak ada disediakan dengan meter dan pihak Polis tidak dapat mengambil tindakan yang tegas walaupun ada komplek kepada pihak Polis kerana tidak ada keterangan yang betul diberi kepada Polis. Namun demikian perkara seperti yang saya sebutkan di sini perlu diambil perhatian oleh Kementerian yang berkenaan supaya masalah di antara penumpang-penumpang di Sarawak dapat memuaskan di masa yang akan datang.

Selain daripada itu juga saya merayu kepada Kerajaan Persekutuan supaya dapat memberi bantuan kepada kaum bumiputera yang ingin menyertai belajar menjadi pemandu teksi ataupun menjadi pemandu lori di negeri Sarawak kerana pada masa ini bayaran untuk menjadi pemandu telah meningkat dari \$180 pada tahun 1978 iaitu sehingga mereka lulus kepada \$400 dalam tahun 1983. Saya berharap bahawa Kerajaan akan dapat memberi pertimbangan kepada kaum bumiputera yang betul-betul berpendapatan rendah supaya mereka akan dapat menyertai menjadi pemandu dan kemudian mereka mendapat lesen dan akhirnya mereka ini akan dapat mengurangkan kegiatan Ali Baba di negara kita.

Akhirnya, Tuan Yang Dipertua, saya berharap apabila Rang Undang-undang ini sudah lulus di dalam Rang

Undang-undang ini Yang Berhormat Menteri bertanggungjawab akan dapat memberi arahan kepada Lembaga Pelesenan peringkat negeri supaya lebih flexible lagi membuat keputusannya mengenai suatu permohonan untuk mendapat lesen di bawah Bahagian (V) Ordinan.

Sebagai menutup ucapan saya di sini, Tuan Yang Dipertua, sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Ordinan Lalulintas Jalan 1958.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat dari Bagan Datoh.

3.57 ptg.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria (Bagan Datoh): Tuan Yang Dipertua, saya turut bangun dengan rakan-rakan daripada Barisan Nasional bagi menyokong suatu Akta untuk meminda Ordinan Lalulintas Jalan 1958 yang akan kita luluskan dan dinamakan Akta Lalulintas Jalan 1983.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat dari Jerai tadi menyatakan, saya juga menyokong oleh kerana Akta ataupun undang-undang ini telah berjalan selama 24 tahun dengan tidak ada pindaan yang berlaku dan oleh kerana keadaan lalulintas di dalam negara kita ini sudah merupakan satu masalah umum yang begitu perlu mendapat perhatian yang serius ataupun susunan yang begitu rapi daripada Yang Berhormat Menteri itu sendiri maka saya rasa apa yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri di atas pindaan Akta ini adalah sangat-sangat dialu-alukan, terutama sekali, oleh kerana masalah yang saya rasa sungguh penting ialah berkenaan dengan pengeluaran lesen-lesen pengangkutan sama ada lesen-lesen pengangkutan bagi kenderaan awam seperti bas-bas, syarikat-syarikat bas biasa, syarikat bas perjalanan terus (ekspres), ataupun lesen teksi ataupun lesen lori, ini sudah merupakan satu perkara yang saya rasa

bertimpa-timpa yang terlalu banyak sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri pada hari semalam sudah mencapai kepada 10,000 permohonan yang belum dapat diselesaikan pemerosesannya. Maka di samping itu saya suka memberi pandangan kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Walaupun begitu banyak lesen-lesen yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian Pengangkutan ataupun Lembaga Pelesenan, tetapi sentiasa rungutan-rungutan ataupun rayuan-rayuan yang dikemukakan oleh sama ada pihak-pihak yang belum dapat ataupun pihak yang sudah dapat begitu rasa tidak senang hati sekali di atas perkara-perkara yang tidak dapat diselesaikan.

Umpamanya, ada pemandu-pemandu teksi merungut mengatakan terlalu banyak di sesuatu tempat itu lesen teksi dikeluarkan sedangkan pemegang lesen teksi yang telah diluluskan itu sendiri agak begitu susah untuk menyara ataupun membiayai akan pendapatannya untuk menanggung segala pengurusan berkenaan dengan teksi yang ada di tangannya sendiri. Kemudian di samping itu pula saya mendapat tahu dan aduan, ada pula permohonan-permohonan daripada pemohon-pemohon yang baru yang tidak begitu mendapat layanan khasnya beberapa orang bekas tentera yang telah bersara memohon lesen teksi, tetapi tidak mendapat layanan. Terdapat juga rungutan daripada orang awam terutama sekali di waktu hari-hari perayaan, ini ditujukan khas kepada pemandu-pemandu teksi, yang begitu sewenang-wenang sekali menaikkan tambang umpamanya perayaan Hari Raya Puasa, Tahun Baru Cina dan sebagainya sentiasa pemandu-pemandu teksi ini mengambil kesempatan. Kalau tambang itu biasanya \$10 dinaikkan sampai \$20. Ini juga menjadi satu masalah kepada orang awam yang mesti dikaji ataupun dicari jalan supaya pemandu-pemandu

teksi ini tidak melakukan tekanan kepada rakyat yang begitu memerlukan di hari-hari atau di masa-masa yang sangat penting bagi mereka pulang daripada Kuala Lumpur ataupun daripada bandar ke kampung-kampung.

(Tuan Shamsuri bin Md. Salleh
mempengerusikan Mesyuarat)

Tuan Yang Dipertua, saya ingin menyentuh pula soal pemberian lesen lori. Saya ada mendapat aduan daripada pihak-pihak yang tertentu bahawa lesen yang dibenarkan iaitu lori 'C' umpamanya untuk kegunaan sendiri, tetapi telah menggunakan pengangkutan itu ataupun lesen itu untuk di luar daripada kebenaran yang diluluskan oleh Lembaga Pelesenan. Semuanya ini menjadi suatu masalah yang mesti diselesaikan oleh Kementerian yang berkenaan selepas ataupun sesudah kita meluluskan Akta Lalulintas Jalan yang kita bantangkan di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang Dipertua, untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan juga, berkenaan dengan pemegang-pemegang ataupun syarikat-syarikat bas yang juga sewenang-wenangnya melakukan sesuatu tindakan kepada jadual-jadual perjalanan mereka itu. Umpamanya sebagai satu contoh di tempat saya sendiri kalau dahulu diadakan perkhidmatan bas di antara Telok Intan ke Bagan Datuk misalnya, tetapi pihak syarikat bas Lower Perak Motor Service telah memberhentikan perkhidmatan mereka pada waktu malam. Ini menyusahkan rakyat yang bekerja di kilang-kilang di waktu malam yang hendak pulang ke rumah atau kediaman mereka masing-masing. Saya mendapat pengaduan ini daripada pengguna-pengguna ataupun mereka yang menumpang bas-bas tersebut meminta perkara ini dikemukakan

kepada Menteri yang berkenaan. Saya harap perkara ini dapat disiasat dengan lebih lanjut lagi.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin menyentuh Fasal 11, Akta Lalulintas Jalan yang kita akan lulus pada petang ini di mana membolehkan Menteri melantik Jawatankuasa bagi menimbang sesuatu rayuan yang dibuat di bawah bahagian V Ordinan dibuat syor kepada Menteri yang berkenaan. Saya rasa inilah yang barangkali akan melegakan atau membolehkan Menteri yang berkenaan itu kerana saya faham sangat pada masa yang telah sudah Menteri itu sendiri kena mengkaji tiap-tiap sesuatu rayuan yang dikemukakan kepada Menteri. Jadi dengan adanya Lembaga yang akan menasihati atau memberi garis panduan kepada Menteri yang berkenaan, saya rasa masalah rayuan-rayuan yang begitu banyak yang dikemukakan kepada Lembaga Pelesenan ataupun kepada Menteri yang berkenaan ini akan dapat diatasi.

Saya juga mengalu-alukan syarat yang telah dilonggar kepada pemohon-pemohon yang pada masa ini yang telah sudah selama 10 hari diminta mengemukakan rayuan untuk dipertimbangkan dan telah dilanjutkan masanya kepada 30 hari, ini adalah suatu yang patut diberi pujian dan tahniah kepada kakitangan Kementerian Pengangkutan ini, kerana ini akan dapat memberi peluang kepada pemohon-pemohon untuk memberi kepuasan hati kepada mereka. Maka dengan ini Tuan Yang Dipertua, saya menyokong Rang Undang-undang Lalulintas Jalan (Pindaan) ini untuk diluluskan.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Yang Berhormat dari Ulu Nerus.

4.27 ptg.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman (Ulu Nerus): Tuan Yang Dipertua, saya suka juga turut menyokong Rang Undang-undang untuk meminda Ordinan Lalulintas Jalan, 1958 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam dalam sidang Dewan ini semalam.

Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk membuat beberapa pindaan terhadap peruntukan-peruntukan tertentu Ordinan asalnya dengan tujuan untuk memperkemas, mempercekap dan memperkesakan lagi perkhidmatan serta pentadbiran berhubung dengan pelesenan kereta-kereta motor commercial di negara kita dan kerana itu saya berpendapat seharusnya pindaan ini akan menguntungkan dan mendatangkan faedah-faedah yang positif kepada rakyat khususnya kepada pemohon-pemohon lesen kereta motor commercial itu sendiri.

Tuan Yang Dipertua, memanglah tidak dapat dinafikan bahawa beberapa peruntukan dalam Ordinan Lalulintas Jalan sekarang merupakan halangan terhadap usaha-usaha Kementerian untuk menyelesaikan dengan cepat dan praktikal permohonan-permohonan dan rayuan-rayuan untuk mendapatkan lesen-lesen bagi kereta-kereta motor commercial.

Sebagaimana yang telah dihuraikan oleh Yang Berhormat Menteri semalam peruntukan tentang prosedur tertentu dan tiadanya peruntukan bagi membolehkan Yang Berhormat Menteri menurunkan kuasa bagi menimbangkan rayuan-rayuan telah menyebabkan banyak tunggakan atau baki (backlog) permohonan-permohonan dan rayuan-rayuan bagi mendapatkan lesen yang sangat besar bilangannya di samping juga permohonan-permohonan baru. Sekiranya dalam tahun 1982

sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri terdapat sebanyak 10,419 baki permohonan dari tahun 1981 dan sebelumnya di samping 15,436 permohonan baru yang diterima dalam tahun tersebut menjadikan semuanya 25,854 permohonan yang perlu diselesaikan dalam satu tahun, kita bolehlah menerima hakikat bahawa masalah yang ditimbulkan oleh peruntukan Ordinan ini adalah satu masalah yang benar-benar serius dan perlu diatasi segera secara menyelesaikannya di peringkat akar umbinya.

Saya menganggap peraturan-peraturan yang dipakai sekarang berkenaan dengan permohonan dan rayuan-rayuan lesen sudah terlalu cumbersome dan restrictive dan dengan ini telah menyebabkan bottleneck di dalam pentadbiran. Peraturan-peraturan yang begini telah menjadikan pentadbiran kurang cekap dan memakan masa, tenaga dan belanja yang tidak sepatutnya. Apa yang lebih penting lagi, Tuan Yang Dipertua, masalah ini boleh mendatangkan kegelisahan dan kesulitan kepada rakyat itu sendiri di samping memberikan gambaran yang salah terhadap kedudukan kecekapan, pentadbiran Kementerian, sedangkan kita memang sedar bahawa pihak Kementerian telah mengambil berbagai-bagai langkah untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik dan berkesan untuk mengatasi masalah ini.

Saya dapatlah menggambarkan, Tuan Yang Dipertua, bagaimana kecewanya pihak Kementerian, terutamanya Yang Berhormat Menteri sendiri di dalam menghadapi keadaan ini.

Tuan Yang Dipertua, saya berpendapat Ordinan Lalulintas Jalan 1958 di dalam hal yang dibincangkan ini adalah satu contoh tentang bagaimana setengah undang-undang di negara kita telah menjadi lapok (out-

of-date) dan tidak sesuai lagi dengan perubahan-perubahan dan kehendak-kehendak semasa. Saya percaya banyak juga lagi undang-undang kita yang bertujuan untuk mengadakan langkah-langkah pengawalan yang sebenarnya menimbulkan berbagai-bagai kesan yang negatif dan tidak membantu mencapai matlamat Kerajaan hendak mewujudkan pentadbiran yang cekap dan memberikan perkhidmatan yang memuaskan kepada rakyat, malahan ia menghadkan flexibility di dalam pentadbiran Kerajaan itu sendiri. Saya memang sedar bahawa Kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah untuk mengulang kaji dan mengemaskini berbagai undang-undang di negara ini tetapi sebagai satu langkah yang sistematik, yang menyeluruh, saya berpendapat usaha ini perlulah lagi dipertingkatkan.

Saya mencadangkan supaya Kerajaan membentuk satu Jawatankuasa yang bertujuan untuk mengkaji kesesuaian undang-undang negara dan mengesan mana-mana undang-undang yang perlu lagi disemak semula, dikemaskini dan disesuaikan dengan perubahan-perubahan dan kehendak-kehendak negara pada masa ini, terutamanya pada masa yang akan datang memandangkan perkembangan negara ini yang sangat pesat dan seterusnya mengemukakan cadangan-cadangan bagi perubahan-perubahan dan pindaan-pindaan yang sesuai terhadap undang-undang yang tertentu itu.

Tuan Yang Dipertua, menyentuh balik masalah tunggakan permohonan dan rayuan-rayuan mendapatkan lesen kereta motor commercial yang dihadapi sekarang, saya berpendapat selain daripada disebabkan oleh halangan undang-undang, mungkin juga ada faktor-faktor lain yang menyumbang kepada masalah ini. Melihat kepada angka-angka

permohonan lesen yang terlalu besar pada tiap-tiap tahun adalah diragui sama ada semua permohonan-permohonan ini datangnya daripada pemohon-pemohon yang benar-benar *bona fine*, yang layak dan memerlukannya.

Isunya di dalam hal ini ialah pada pandangan saya, Tuan Yang Dipertua, bahawa sekiranya permohonan-permohonan ini adalah datangnya daripada orang-orang yang tidak layak dan tidak sebenar-benarnya memerlukan lesen-lesen tersebut, maka sudah tentulah pihak Kementerian akan menghabiskan masa dan tenaga melayani permohonan-permohonan sedemikian dan ini tentunya membazirkan tenaga dan masa pentadbiran. Dengan hal yang demikian, saya berpendapat Kementerian perlulah mengadakan satu dasar berkenaan dengan kelayakan dan syarat-syarat kelayakan memohon lesen-lesen yang bertujuan untuk memastikan hanya orang-orang yang layak dan benar-benar memerlukan lesen-lesen sahaja yang boleh dilayan. Ini boleh dibuat dengan menetapkan peraturan bahawa hanya orang-orang yang telah memenuhi dan mempunyai syarat-syarat tertentu sahaja yang boleh dilayan dan diambil tindakan lanjut. Pemohon-pemohon yang tidak memenuhi syarat-syarat ini hendaklah terlebih dahulu dikehendaki memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan sebelum permohonan mereka dapat diproses dan diambil tindakan lanjut.

Sebagai contoh, Tuan Yang Dipertua, bagi mendapatkan lesen teksi atau kereta sewa hanya orang-orang yang telah mempunyai lesen PSV sahaja yang layak memohon. Beberapa syarat yang boleh difikirkan sesuai bolehlah difikirkan oleh pihak Kementerian. Langkah begini saya yakin akan membantu menyekat

permohonan daripada orang-orang yang bertujuan mencuba nasib sebagaimana yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri semalam. Langkah ini tidaklah boleh dianggap sebagai menghalang orang ramai daripada membuat permohonan-permohonan lesen oleh kerana sekiranya mereka memohon sekalipun permohonan mereka tidak akan berjaya setelah diambil perjalanan secara pentadbiran.

Tuan Yang Dipertua, satu lagi faktor yang mendatangkan kesulitan pentadbiran kepada Kementerian di dalam perkara permohonan lesen-lesen ini ialah kerana terdapatnya permohonan-permohonan sepanjang masa daripada kawasan-kawasan yang sama. Keadaan ini bukan sahaja menyulitkan daripada segi hendak mengadakan temuduga-temuduga tetapi juga yang lebih penting lagi untuk menentukan keperluan sebenarnya lesen-lesen di sesuatu kawasan dan siapa yang sebenarnya paling layak dipertimbangkan untuk diberi lesen bagi kawasan-kawasan tertentu.

Saya sedar bahawa masalah ini telah pun dikaji oleh pihak Kementerian dan sesuatu langkah tertentu telah pun difikirkan di mana pihak berkuasa berkenaan akan mengiklankan permohonan-permohonan lesen teksi/kereta sewa mengikut kawasan-kawasan. Saya mengalu-alukan dan menyokong langkah ini sebagai satu langkah yang boleh membantu mempercepat dan memperkemas pentadbiran. Tetapi malangnya, Tuan Yang Dipertua, kalau boleh saya sebutkan bahawa cara ini belum lagi rasanya dipakai pada masa ini, permohonan-permohonan belum lagi diiklankan dan orang ramai masih lagi menunggu dan saya juga suka hendak menyatakan bahawa cara ini juga belum lagi pada masa ini diketahui dengan meluasnya dan difahami

dengan mendalamnya oleh orang ramai. Dengan hal yang demikian, saya berharap Yang Berhormat Menteri akan memberikan penerangan seluas-luasnya kepada orang ramai di dalam perkara ini.

Saya suka juga, Tuan Yang Dipertua, menarik perhatian Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam terhadap satu perkara yang lain, iaitu berhubung dengan tempoh minima 5 tahun pemilikan lesen PSV oleh seseorang pemohon lesen teksi/kereta sewa bagi membolehkan lesen diluluskan. Saya berpendapat syarat ini tidaklah boleh dijadikan sebagai satu syarat yang mutlak ataupun satu syarat yang diutamakan di dalam semua kes dan dalam semua keadaan. Apa yang menjadi pokoknya ialah bahawa seseorang yang telah mempunyai lesen PSV adalah dianggap telah layak (competent) menjadi pemandu kereta motor penumpang. Kelayakan ini tidak hanya diakui selepas beberapa tahun beliau telah memiliki lesen PSV. Di kawasan-kawasan luar bandar dan pinggir-pinggir bandar masalah pengangkutan awam adalah sangat besar dan mendesak. Di dalam keadaan begini masalah pengangkutan awam perlu diatasi segera dan dengan hal yang demikian syarat tempoh minima pemilikan lesen PSV bagi pemohon-pemohon lesen patutlah dilonggarkan.

Di dalam perkataan lain, Tuan Yang Dipertua, syarat ini perlulah ditimbang mengikut keadaan-keadaan kita dan kes-kes setempat dan semasa, lagi pula adalah kurang munasabah pada pandangan saya permohonan daripada orang-orang yang benar-benar memerlukan lesen teksi/kereta sewa ditolak semata-mata kerana beliau belum lagi sampai tempoh 5 tahun memiliki lesen PSV.

Tuan Yang Dipertua, berhubung dengan Fasal 11, Rang Undang-undang ini yang bertujuan meminda seksyen 130 Ordinan asal bagi memberi

kuasa kepada Menteri untuk melantik satu Jawatankuasa Rayuan. Ahli dari Kuala Lumpur Bandar di dalam perbahasannya semalam telah membangkitkan kebimbangan beliau terhadap keahlian Jawatankuasa Rayuan tersebut dan meminta supaya Ahli-ahli Jawatankuasa Rayuan menimbangkan rayuan dengan berhati-hati. Beliau juga sebelumnya telah meminta Yang Berhormat Menteri bersikap adil dan bersimpati dengan pemohon-pemohon lesen teksi kerana katanya di masa-masa lalu ramai pemohon-pemohon tidak berjaya sungguhpun mereka layak.

Saya bersetuju dengan pandangan bahawa pemohon-pemohon yang layak patutlah diberikan pertimbangan sewajarnya, tetapi saya juga sedar bahawa tidak semua pemohon-pemohon yang layak mungkin diberikan kelulusan.

Apa yang dimaksudkan dengan keadilan tidak boleh semata-mata ditimbangkan dari segi kepentingan pemohon-pemohon sahaja tetapi juga dan yang lebih penting lagi kepada kepentingan awam dan orang-orang lain dalam industri yang sama di sesuatu kawasan serta juga dasar-dasar Kerajaan dan kepentingan-kepentingan negara. Oleh kerana hendak menegakkan keadilan kepada pemohon-pemohon janganlah sampai terlalu banyak lesen-lesen dikeluarkan di sesuatu tempat kawasan sehingga boleh menjejaskan kepentingan pelesen-pelesen yang sedia ada.

Sebagaimana yang saya katakan sebelum ini, pemberian lesen-lesen teksi kereta sewa misalnya—malahan lesen-lesen bas ekspres dan permit-permit lori pengangkutan juga perlulah didasarkan kepada perancangan-perancangan yang terkaji dan tersusun. Apa yang telah terjadi di masa yang lalu mungkinlah terdapat pengeluaran lesen-lesen yang berlebihan di sesuatu kawasan dan pengeluaran lesen-lesen bas yang juga berlebihan di sesuatu

kawasan dan jalan-jalan tertentu sehinggakan banyak aduan-aduan diterima daripada pemandu-pemandu teksi kereta sewa tentang masalah-masalah mereka mendapatkan penumpang. Yang Berhormat Menteri patutlah menimbangkan bahawa over competition, dengan izin, boleh menjejaskan sesuatu industri dan oleh kerana Kerajaan menggalakkan dasar.

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*).

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Yang Berhormat!

Tuan Sim Kwang Yang: Korum.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Korum, tolong kira Setiausaha. 24 Ahli, tidak cukup. Sila bunyikan loceng.

(*Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, 26 Ahli hadir*).

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Sila sambung Yang Berhormat dari Ulu Nerus.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Terima kasih, Tuan Yang Dipertua.

Yang Berhormat Menteri sebagaimana yang saya katakan tadi patutlah menimbangkan bahawa over competition boleh menjejaskan sesuatu industri dan oleh kerana Kerajaan menggalakkan dasar owner operator di dalam industri pengangkutan khususnya bagi perkhidmatan teksi kereta sewa sebagai satu langkah meningkatkan ekonomi rakyat, strategi pengeluaran lesen-lesen hendaklah dibuat dengan cara yang teliti bagi sesuatu kawasan itu.

Saya berpendapat, Tuan Yang Dipertua, kebimbangan terhadap jawatankuasa rayuan ini sebagaimana disuarakan oleh Ahli dari Kuala Lumpur Bandar itu tidaklah patut ditimbulkan kerana kebimbangan ini

boleh dianggap sebagai menunjukkan kurang kepercayaan kepada jawatankuasa tersebut yang sebenarnya belum lagi wujud dan belum lagi boleh dibuat apa-apa anggapan.

Lagi pula peruntukan undang-undang yang dicadangkan ini hanya memberikan kuasa kepada jawatankuasa tersebut untuk menimbangkan rayuan-rayuan dan membuat perakuan-perakuan kepada Menteri, kuasa terakhir sama ada untuk bersetuju atau sebaliknya. Dengan perakuan jawatankuasa ini masih lagi terletak kepada Menteri sebagaimana Fasal 12 pindaan seksyen 131 (1) dan 131 (2).

Sekian, Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Ahli Yang Berhormat dari Parit Buntar.

4.25 ptg.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman (Parit Buntar): Tuan Yang Dipertua, saya bangun bersama-sama turut menyokong suatu Akta untuk meminda Ordinan Lalulintas Jalan 1958 iaitu Akta Lalulintas Jalan (Pindaan) 1983.

Saya berpendapat langkah meminda Ordinan Lalulintas Jalan 1958 ini adalah satu langkah yang sesuai dan kena pada masanya memandangkan daripada pindaan-pindaan ini boleh mengemaskan lagi sistem pengurusan pengeluaran lesen, mempercepatkan lagi proses pengeluaran lesen dan memastikan keadilan diterima oleh tiap-tiap permohonan.

Dalam hal ini, Tuan Yang Dipertua, saya ingin membangkitkan beberapa perkara untuk mendapat perhatian Yang Berhormat Menteri berkenaan.

Pertama, seperti yang kita maklum iaitu pemilihan lesen teksi adalah semata-mata bertujuan diberikan

kepada pemandu-pemandu dan dipunyai oleh pemandu-pemandu itu sendiri. Kerana seperti yang kita ketahui daripada hasil pendapatan operasi teksi ini kepada pemandu-pemandunya tidaklah begitu lumayan sangat tetapi hanya mencukupi untuk menyara sebuah keluarga yang mempunyai permit itu. Jadi, saya ingin membangkitkan iaitu terdapat seseorang yang memiliki permit-permit teksi ini lebih daripada satu dan ini pada pandangan saya tidaklah begitu sesuai kerana orang yang memiliki lebih daripada satu permit ataupun banyak permit teksi ini mendapat kekayaan ataupun pendapatan yang lumayan sedangkan ianya menerima pendapatan itu adalah hasil daripada usaha keras ataupun titik peluh orang lain. Jadi, saya berpendapat Kementerian hendaklah mengkaji semula perkara ini dan memberikan permit-permit yang dimiliki oleh seseorang itu begitu banyak sekali kepada mereka yang memerlukannya yang mana menjalankan sekarang ini operasi teksi ini secara mengambil upah.

Kemudian kalau kita lihat pula dari segi pengeluaran permit-permit lori Kelas A. Ini juga pada pandangan saya patutlah dikaji semula dan diberi perhatian yang serius. Kita berkehendakan supaya Dasar Ekonomi Baru dapat dicapai dan dikecapi oleh bumiputera tetapi kedapatan seseorang yang memiliki begitu banyak permit-permit ini tetapi di Alibabakan. Kita tidak menimbulkan masalah sekiranya mereka yang mempunyai permit ini menjalankan usaha secara sendiri kerana inilah yang kita hajatkan tetapi kalau permit-permit ini mendatangkan keuntungan kepada seorang dengan cara Ali-Baba sudah tentulah tidak munasabah.

Lagi satu perkara, Tuan Yang Dipertua, saya harap Yang Berhormat Menteri memberi perhatian dan

perkara-perkara ini juga telah ditimbulkan oleh beberapa orang Yang Berhormat sebelumnya iaitu tentang keperluan pengangkutan awam di sesuatu kawasan sama ada dari segi jumlah keseluruhan keperluan pengangkutan awam itu sendiri ataupun dari segi jenis-jenis keperluan pengangkutan awam seperti bas ekspres, bas persiaran, teksi dan sebagainya.

Kerana saya inginlah memberi contoh di dalam kawasan saya sendiri iaitu di Parit Buntar di mana bas ataupun permit bas ekspres telah diluluskan. Saya rasa mungkinlah tidak dibuat kajian dengan teliti. Kalau dilihat bas ekspres dari Parit Buntar ke Butterworth yang jaraknya hanya 21 batu dianggap bas ekspres, saya rasa kuranglah bijak.

Kerana dalam jarak 21 batu ini kita luluskan banyak sangat bas ekspres ia boleh menjejaskan kepada pihak teksi pula. Kerana inilah sahaja mata pencarian pemandu-pemandu teksi yang ada di dalam kawasan itu. Dan kalau kita lihat pula tempat di mana bas ekspres dan bas persiaran mengambil penumpang-penumpangannya adalah di kawasan yang sama juga dengan kawasan-kawasan teksi. Pernah berlaku di mana pemandu teksi sendiri tolong angkat barang penumpangnya bawa pergi kepada bas ekspres kerana tidak cukup lagi orang hendak naik teksinya, bas ekspres sudah datang. Jadi kita takut kalau perkara ini boleh berlaku bukan sahaja pendapatan pemandu-pemandu teksi merosot tetapi juga keadaan keselamatan di tempat itu sendiri mungkin tidak seperti yang kita kehendaki.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin membangkitkan masalah bas sekolah. Kerana di kawasan-kawasan luar bandar kepentingan pengangkutan bas sekolah ini amatlah besar sekali dan saya berharap sekiranya terdapat permohonan-permohonan untuk operasi bas sekolah dari kawasan-

kawasan luar bandar hendaklah diberi pertimbangan yang lebih mudah sedikit memandangkan bagi kawasan-kawasan luar bandar pengangkutan awam sangatlah berkurangan. Dan saya rasa lagi satu syarat yang perlu dan kalaulah selama ini penentuan syarat tambang bas sekolah ini mungkin ditentukan oleh Kementerian yang lain, saya rasa patutlah dari segi kepentingan negara kita syarat ini hendaklah dipulangkan kepada Kementerian Perusahaan Awam iaitu dari segi tambang bas sekolah ini hendaklah diserahkan kepada Kementerian Perusahaan Awam kerana akibat daripada kenaikan tambang bas sekolah dua kali ganda di kawasan-kawasan luar bandar banyak menjejaskan keadaan ekonomi penduduk-penduduk luar bandar, bayangkanlah kalau jarak jauh 6 batu, kalau sebelum tambang itu dinaikkan harganya \$6.00 sebulan tetapi setelah tambang itu dinaikkan menjadikan \$12.00 sebulan, kalaulah seorang keluarga di luar bandar mempunyai 3 orang anak bersekolah, sudah tentulah jumlahnya \$36.00 sebulan. Ini amatlah membebankan penduduk-penduduk luar bandar yang pendapatan puratanya tidaklah begitu tinggi jika dibandingkan dengan pendapatan penduduk-penduduk dalam bandar. Dan saya berharap kalau boleh syarat ini patutlah diberikan kepada Kementerian Perusahaan Awam agar penuntut-penuntut sekolah yang datang daripada luar bandar tidaklah menjadi bebanan kepada keluarga mereka dari segi pembayaran tambang bas.

Tuan Yang Dipertua, dengan ini saya sekali lagi memberi sokongan kepada Akta Lalulintas Jalan (Pindaan) 1983.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Sila Yang Berhormat Menteri menjawab.

4.34 ptg.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): Tuan Yang Dipertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun berucap menyokong Rang Undang-undang ini dan juga memberi komen-komen terhadapnya.

Namun demikian pada pendapat saya ada beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang mungkin dibangkitkan kerana agaknya salah faham tentang beberapa perkara mengenai bidang kuasa Kementerian dan juga mengenai pindaan yang dikemukakan itu. Izinkan saya secara ringkas menerangkan bahawa Ordinan Lalulintas tahun 1958 itu seperti saya katakan semalam adalah ditadbirkan oleh kedua Kementerian iaitu bab limanya iaitu hal ehwal pelesenan oleh Kementerian Perusahaan Awam dan hal-hal lain termasuklah hal-hal teknikal, kuatkuasa dan sebagainya oleh Kementerian Pengangkutan iaitu khususnya di bawah agensinya yang dipanggil Jabatan Pengangkutan Jalan. Jadi ada beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang sebenarnya bersangkutan paut dengan bidangkuasa Kementerian Pengangkutan. Perkara ini, saya percaya pegawai-pegawai mereka yang hadir, atau punya sendiri akan mengemukakan dan memanjangkannya kepada Kementerian yang berkenaan.

Mengenai perkara-perkara yang dibangkitkan pada peringkat awal ini, inginlah saya menekankan bahawa wujudnya begitu banyak baki permohonan-permohonan dan juga baki rayuan-rayuan yang masih ada di peringkat Lembaga dan juga di peringkat Jabatan pejabat saya ialah kerana beberapa perkara.

Pertamanya, sungguhpun pihak saya dan pihak Kementerian dari semasa ke semasa mengemukakan dalam berbagai-bagai cara iaitu sama ada melalui akhbar, radio, televisyen dan sebagainya diumumkan bahawa mulai daripada 1hb Januari tempoh hari beberapa garis-garis panduan telah pun dibuat secara objektif dan beberapa keputusan-keputusan telah dibuat mengenai pembekuan permit-permit terutama bagi teksi di Johor Bahru dan Kuala Lumpur misalnya dan pembekuan untuk permohonan-permohonan permit bas-bas persiaran dan juga bas-bas ekspres, namun demikian masih beratus ataupun boleh dikatakan beribu juga lagi pemohon-pemohon yang nampak gayanya berdegil sungguhpun kita katakan permohonan beku, dihantar juga, kerana dia kata hendak juga teksi di Johor Bharu, hendak juga teksi di Kuala Lumpur. Sungguhpun keputusan telah dibuat bahawa mengikut kajian yang kita ada tidak perlu lagi buat masa ini ditambah teksi-teksi. Jadi tidak bolehlah hanya kita tolak begitu sahaja, ataupun bila sampai sahaja di tolak bulat-bulat. Tetapi terpaksa berurus, diberi dia kad putih, mengikut prosedurnya kad putih diberi, kemudian lepas itu Lembaga mengatakan mesti tolak. Kalau ditolak bulat-bulat oleh pegawai, boleh dibawa ke Mahkamah kerana tidak ikut prosedur. Inilah yang hendak dipinda hari ini supaya tidak timbul lagi keperluan untuk kita berurus dan berutus-utus ini semata-mata kerana hendak menolak permohonan. Begitu juga di peringkat rayuan. Kalau sudah ditolak kerana dibekukan permohonan untuk teksi Johor Bharu atau Kuala Lumpur, sepatutnya orang yang memohon tadi sudah faham, kita sudah tulis di situ mengatakan buat masa ini semua permohonan dibekukan, akan diumumkan lain kali, akan diiklankan dan sebagainya, tidak. Dia akan

merayu juga kepada Menteri. Inilah backlog yang wujud kerana orang-orang ini yang rasa saya agak degil sedikit. Dan tidak mengindahkan apa juga panduan-panduan dasar dan syarat-syarat yang telah kita kenakan.

Begitu juga di masa yang lepas pemohon-pemohon membuat permohonan mengikut kehendak hati sendiri. Itulah timbulnya seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Parit Buntar tadi tidak sampai 20 batu pun sudah ada bas ekspres. Memang benar, bahkan 16 batu pun ada di masa yang lepas diluluskan bas ekspres. Dan ini dibuat kerana pemohon-pemohon memikirkan kepentingan dirinya. Dia menganggap dirinya mampu, ada sumber-sumber modal; dia menganggap dirinya boleh mendapat pengalaman ataupun ada pengalaman dan menganggap dirinya mampu untuk menjalankan perkhidmatan maka dia memohon dan di masa yang lepas memang benar dasar Kerajaan pada masa itu ialah agak liberal sedikit dalam pemberian permit tetapi sejak dua tiga tahun ini konsep liberal ini telah pun diperketatkan. Dan itulah sebabnya telah dikeluarkan seperti saya katakan tadi garis-garis panduan yang objektif terhadap setiap jenis permohonan permit.

Dengan izin, Tuan Yang Dipertua, saya menyatakan, contohnya, kalau dahulu dikatakan amat senang untuk dapat lori 'A'. Dan lepas itu permit ini disalahgunakan. Pada hari ini peraturannya agak ketat dan ini juga menyusahkan kerana kadang-kadang kalau ketat begini ditolak, ada Ahli-ahli Yang Berhormat merayu pula, tolonglah, ini kawan baik kita, ataupun orang kawasan saya, jadi saya mintalah dengan persetujuan semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang hadir dapat dipersetujukan syarat-syarat saya kenakan tadi supaya tidak timbul lagi soal salahguna permit oleh orang-orang yang mendapatkannya.

Jadi antara syarat-syarat yang kita beri contoh untuk lori 'A'. Lori ini bukanlah satu perkara yang murah hendak dibeli, berpuluh ribu harganya, maka hendaklah seseorang itu menunjukkan bukti kemampuannya iaitu sekurang-kurangnya ada sedikit sumber modal sendiri yang boleh menunjukkan dia boleh bayar 'deposit' lori. Yang baki itu boleh didapati 'financing' atau pembiayaan institusi kewangan. Mestilah ia menunjukkan bukti-bukti bahawa ia akan dapat pasaran untuk lori yang akan diduplikatnya itu. Kerana di masa yang lepas berlaku perkara-perkara yang agak lucu, ada orang minta lori A tanker dan apabila ditolak, di peringkat rayuan dia menyerang pejabat saya mengatakan Kerajaan tak adil dan sebagainya dan apabila disemak sebenarnya dia memang ada bukti pasaran tetapi dia meminta lori tanker untuk mengangkut beras.

Jadi saya bertanyalah kepada Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini, adakah dalam dunia ini untuk mengangkut beras dalam tanker? Apabila saya soal, ada bukti pasaran? Dia kata ada dan saya sudah beri dokumen setinggi begini-begini. Saya pun belek-belek, saya tak ingat yang mana kita tolak atau tidak, belek balik failnya dia minta tanker 6 biji untuk mengangkut beras. Jadi orang seperti itu tak faham tanker itu apa. Tanker itu ialah angkut minyak, angkut getah dan sebagainya bukan untuk angkut beras. Jadi saya kata padanlah pun ditolak, tak boleh salahkan saya, jangan salahkan Lembaga, jangan salahkan Kerajaan, salah awak sendiri kerana tak faham apa yang dimohon. Jadi memang benar seperti kata Ahli Yang Berhormat tadi ada kalanya permohonan macam inilah yang menyebabkan satu backlog ataupun baki-baki permohonan yang masih banyak dan percayalah permohonan seperti itu akan ditolak selepas sahaja lulus undang-undang ini kelak, esok apabila sudah berkuatkuasa, tak payah

lagi interview dan sebagainya kita akan tolak kerana tidak layak.

Tuan Yang Dipertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin mengatakan bahawa pihak Kementerian apabila menimbang sesuatu permohonan permit sama ada teksi, lori, bas dan tanker atau kontena mestilah menimbang daripada 2 segi. Pertamanya, kita menimbang daripada keperluan untuk diadakan perkhidmatan itu atau ditambah perkhidmatan itu dan keperluan ini mestilah diteliti dalam konteks perkhidmatan yang ada. Kalau katakan sudah cukup perkhidmatan di situ walau bagaimana layak pun permohonan yang dihantar tidak akan diberi kerana dengan bertambahnya seorang lagi pemohon maka akan menyebabkan orang-orang yang sedia ada itu terjejas pendapatannya ataupun perniagaannya.

Pertimbangan kedua setelah kita tentukan keperluan itu ada maka terpaksa ditapis permohonan yang begitu banyak yang diberi yang terlayak daripada yang layak. Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat dapatlah bersama-sama bersimpati dengan saya kerana kalau kita hendak mengatakan layak itu memang ramai yang layak. Ada kita tengok dalam satu-satu tempat itu misalnya 10 orang yang memohon untuk teksi, semua layak dari segi ada PSV, semua ada membawa teksi tetapi tidak dapat kita berikan kepada 10 permit untuk satu kampung. Paling tingginya 2 permit. Jadi daripada yang 10 itu hendak ditapis 2, maka perlulah ada garis panduan dan garis panduan yang telah saya keluarkan ialah di antaranya ada PSV itu yang lama sekali PSVnya. Itulah sebabnya dikeluarkan garis-garis panduan seperti kalau di bandar-bandar besar minima sekurang-kurangnya 10 tahun, di pekan-pekan minima sekurang-kurangnya 5 tahun, kalau di kawasan luar bandar 3 tahun mengikut keadaan. Ini panduan

memang ada. Jadi berdasarkan kepada dua pertimbangan ini maka didapati bahawa sungguhpun bakinya masih banyak tetapi bersyukur kerana baki itu nampaknya berkurangan.

Sekarang saya ingin pergi kepada perkara-perkara tertentu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang pertamanya, yang dibangkitkan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar yang mana ada Ahli Yang Berhormat tadi telah menolong menjawab bagi pihak saya. Sebenarnya kuasa Menteri untuk merumuskan ataupun menentukan keputusan rayuan ini memang ada, bahkan pada masa yang lepas sebelum pindaan ini kuasa Menteri itu mutlak' dia seorang sahaja yang menentukan rayuan hendak beri atau tidak tetapi pada hari ini saya telah meminta supaya diadakan pindaan supaya kuasa itu dapat diperturunkan dari segi menubuhkan satu Jawatankuasa yang boleh menapis rayuan itu. Jadi sungguhpun kuasa akhir menentukannya ialah Menteri tetapi sekurang-kurangnya boleh dibagikan kerja itu menapis, dan meneliti dan membuat syor kepada Menteri, jadi cepatlah rayuan itu dapat dibuat.

Dari segi tempoh 30 hari yang telah diberi untuk membuat rayuan pada pandangan saya ini cukup atau memadai kerana ini sudah dilanjutkan daripada 10 hari kepada 30 hari. Mengikut pengalaman saya mereka yang benar-benar serius hendak memohon permit mereka akan buat dalam tempoh 30 hari, cuma yang tak serius sahaja mengikut pengalaman saya yang mana setahun berlalu surat penolakan, sudah kuning surat penolakan itu, baru hendak buat rayuan. Jadi kita hendak menapis yang serius daripada yang tidak. Dan inginlah saya menekankan bahawa sungguhpun 30 hari ini diberi

memadailah kalau dalam 30 hari itu perayu membuat notis rayuannya, kalau ada dokumen diberi, diberi lepas itu tak mengapa. Sekurang-kurangnya dalam 30 hari kita boleh buka fail rayuan bagi pihaknya.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas dan juga Kuala Lumpur Bandar telah bertanya siapakah yang hendak dilantik dan mencadangkan tempoh yang disyorkan setahun. Sebenarnya, Jawatankuasa itu adalah Jawatankuasa Pentadbiran sahaja iaitu Jawatankuasa yang akan ditubuhkan di dalam Kementerian dan akan dilantiklah pembantu-pembantu saya yang ada di dalam Kementerian dan tidak ada tempoh perlantikan kerana ini akan berjalan selagi ada pembantu-pembantu seperti itu.

Dari segi meminta saya supaya bertindak secara simpati iaitu bersimpati dalam meluluskan permohonan dan rayuan, Tuan Yang Dipertua, inginlah saya menekankan di sini pada pendapat saya, pengalaman saya semenjak dalam Kementerian ini, simpati inilah puncanya segala masalah kita; simpati inilah yang menyebabkan kita mengeluarkan banyak permit kepada yang tak layak dan simpati ini jugalah yang menyebabkan begitu banyak rungutan yang dihala-halakan kepada Kerajaan oleh orang-orang yang tidak puas hati kerana mereka tak dapat, tetapi orang yang tak layak yang dapat, katanya. Jadi untuk mengelakkan simpati mendorongkan mana-mana pihak membuat keputusan maka saya telah mengeluarkan seperti saya katakan tadi garis panduan yang objektif yang menimbangkan semua perkara yang wajar diberi pertimbangan. Simpati mestilah kena pada tempatnya. Kalau contohnya seseorang yang memiliki permit teksi meninggal dunia dan itu sahaja mata pencarian untuk balu dan anak-anaknya, maka simpati digunakan dan permit itu akan ditukar nama daripada

Allahyarham kepada balunya, sungguhpun balu itu tidak tahu membawa kereta, dia akan dikenakan syarat supaya mencari pemandu kedua. Dalam hal ini simpati digunakan tetapi simpati tidak akan digunakan dari segi tolonglah kawan saya. Minta maaflah saya bercakap ini kerana pada pendapat saya kita mesti objektif kalau hendak menjamin industri pengangkutan ini berjalan dengan cekap dan betul.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin juga membangkitkan apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang supaya janganlah diberi lesen lagi kata beliau, sudah banyak sangat teksi. Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat kerana menyokong apa yang telah kita buat iaitu membekukan di beberapa tempat permohonan itu. Bahkan saya mintalah sokongan semua Ahli Yang Berhormat kalau saya bekukan mana-mana permohonan itu, sokonglah jangan pula minta saya cairkan mana-mana tempat tadi. Begitu juga dari segi pembekuan ini bukan sahaja pembekuan itu disyorkan oleh Lembaga sendiri tetapi ada juga Jawatankuasa Peringkat Negeri yang telah mengemukakan syor supaya dibekukan dan kalau negeri itu menyatakan dibekukan dahulu maka kita akan mengambil perhatian dan dibekukan buat sementara sehingga kita dapat menentukan pengkalan mana patut diberi teksi dan akan diiklankan. Memang benarlah seperti kata Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus belum ada iklan teksi dikeluarkan kerana kita sedang meneliti dahulu daerah mana yang ada yang cukup atau yang belum. Bagi iklan-iklan bas pesiaran telah pun kita buat, teksi sahaja yang belum.

Ahli Yang Berhormat dari Parit telah membangkitkan soal gagal dapat permit dan kalau orang-orang yang sudah memajak permit dan sebagainya tak bawa teksi itu perमितnya akan

ditarik balik, maka pemandu-pemandu itu tidak ada kerja lagi atau menganggur dan mereka gagal dapat permit.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin menekankan bahawa dalam hal permit ini sebenarnya tidak timbul soal sambung menyambung permit. Permit teksi, permit lori, permit bas dan apa juga hayatnya mengikut undang-undang ialah 7 tahun sahaja. Lepas 7 tahun permit itu dengan sendirinya luput dan perlulah diminta permit yang baru. Baru-baru ini saya telah mengeluarkan satu garis panduan supaya sesiapa juga yang hendak meminta permit baru akibat daripada permit lama yang sudah habis hayatnya atau habis tempohnya hendaklah membuat permohonan baru itu sekurang-kurangnya dua bulan sebelum tarikh mati permit lama supaya dapat diproses dengan cepat dan apabila kita memproses permohonan kali kedua atau ketiga ini barulah dapat ditapis siapakah yang terdahulu daripada itu telah menyalahgunakan permit. Kalau sudah dapat bukti dia salahgunakan permit tidak akan diberi permit yang baru. Dan itulah secaranya kita dapat misalnya memberhentikan permit-permit yang ada dalam tangan orang-orang yang telah menyelewengkannya. Dari segi teksi inginlah saya menekankan jikalau ada permit-permit teksi yang telah ditarik balik dan pemandunya yang membawa teksi itu menganggur bolehlah diberi pertimbangan khas kepada orang-orang ini asalkan mereka telah memandu cukup lama dan PSVnya juga cukup lama. Jadi, supaya tidak mereka hilang mata pencarian, tetapi mereka mestilah cukup syaratnya.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas juga semalam telah membangkitkan supaya kereta sapu itu katanya berikanlah permit. Tuan Yang Dipertua, saya tidaklah dapat menerima hakikat ini kerana kita tidak

boleh memberi secara otomatik permit teksi atau kereta sewa kepada orang-orang yang mengendalikan kereta sapu kerana kalau orang ini cuma setakat menjadi boss sahaja ataupun tuannya kereta, orang lain yang bawa, tidak wajar kita beri permit kepadanya. Maka orang-orang yang mengendalikan kereta sapu untuk mendapatkan permit mestilah juga memenuhi syarat-syarat asas seperti ada PSV yang lama, memang bawa teksi secara masa penuh dan juga di tempat itu sudah terbukti perlu lagi teksi.

Tuan Yang Dipertua, juga telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jerantut semalam mengenai lori-lori di Bandaraya. Ingin saya tekankan perkara ini adalah di bawah bidangkuasa Kementerian Pengangkutan, tetapi saya akan sampaikan.

Yang Berhormat dari Jerai telah membangkitkan soal bahawa Lembaga mungkin patut menulis kepada semua wakil rakyat untuk mendapat sokongan mengenai satu-satu permohonan.

Tuan Yang Dipertua, pada pendapat saya ini tidaklah satu perkara yang praktik atau yang boleh dibuat, bahkan apabila kita meminta seseorang itu mendapatkan sokongan wakil rakyat, bukanlah maksud kita sokongan terhadap permohonan itu. Sokongan yang hendak diberikan itu ialah berbentuk mengesahkan bahawa pemandu teksi ataupun pemohon permit teksi itu benar-benar orang kawasan. Kita tidak mahu memberi permit teksi daripada seorang yang mendakwa dirinya datang dari kampung A, tetapi sebenarnya duduk di kampung C. Jadi, kalau wakil rakyat itu mengesahkan 'ya, ini rakyat saya di kampung B' maka itulah yang dikehendaki. Jadi, tidak timbullah soal kalau wakil rakyat sokong kemudian itu ditolak maka jatuhlah air muka wakil rakyat kita kerana tidak laku,

kata orang, suratnya—tidak. Tetapi saya mintalah Yang Berhormat supaya sokongan seperti ini diberikan sewajarnya, mengesahkan orang itu orang situ. Kita tidak hendak juga kalau dia minta lori dan sebagainya, tetapi dia orang luar, orang yang mungkin bukan warganegara kita, kita tidak tahu atau orang yang hanya main atas angin sahaja. Inilah kepastian yang kita hendak.

Tuan Yang Dipertua, tadi Yang Berhormat dari Jerai juga mengatakan orang dapat permit daripada pintu belakang. Saya rasa ini tidak berlaku. Saya tidaklah dapat menerima bahawa ada orang yang mendapat permit pintu belakang, kerana setakat peringkat Lembaga dan peringkat rayuan garis-garis panduannya nyata. Kalau ada benar-benar maklumat orang yang dapat daripada pintu belakang ini, saya ingin hendak tahulah, kerana ini perkara yang tidak langsung direstui oleh Kerajaan. Bahkan saya selalu menyarankan bahawa adalah amat kesal kalau adanya broker-broker adanya orang-orang yang mengangap ataupun mendakwa dirinya kenal orang sana-sini, kenal Menteri, kenal Setiausaha Parlimen, kenal sebarang orang di Kementerian dan Lembaga, pada hal mereka tidak kenal dan mengambil wang daripada orang-orang awam, kemudian permohonan permit mereka ditolak. Ada saya mendapat tahu perkara ini berlaku. Jadi inilah saya tekankan sekali lagi tidak timbul soal dapat permit pintu belakang, tidak timbul soal sesiapa boleh menolong mendapatkan permit kerana garis panduan seperti telah disarankan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat itu memang ada.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi telah membangkitkan kes tertentu, teksi JAS 4029, memanglah Kementerian Pengangkutan selalu mengadakan kempen-kempen berbudi bahasa di kalangan pemandu-pemandu teksi. Setakat hari ini tidak

mensyaratkan pula dalam perमितnya supaya setiap pemandu teksi ini mesti civic conscious, dengan izin, dan sebagainya. Tetapi saya percaya kalau pemandu-pemandu teksi kita berbudi bahasa tidak timbullah soal macam ini. Ini rasa saya seperti jugalah pemandu-pemandu kereta, pemandu-pemandu lori yang menjadi 'hit-and-run driver', dengan izin yang mana dia langgar orang, lepas itu dia lari. Dia tidak bantu pun orang yang dilanggarnya. Ini mungkin Ahli Yang Berhormat boleh membawa ketengah. Saya dari segi permit kalau orang ini tidak buat salah dari segi permit tak dapat kita ambil tindakan tetapi dari segi tidak berperikemanusiaan itu rasa saya memang kita kecamlah.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupa telah membangkitkan soal pengluasan Ordinan Lalulintas Sabah dan Sarawak. Ingin saya tekankan bahawa perkara ini sudah pun dipersetujukan pada dasarnya, cuma menunggu supaya dapat ditentukan tarikh yang tepat untuk pengluasan Ordinan ini kedua-dua Sabah dan Sarawak dan pegawai-pegawai Kementerian dan Lembaga masih sedang dalam perbincangan bersama-sama dengan pegawai-pegawai Kementerian Pengangkutan dan juga pegawai-pegawai Kerajaan negeri Sabah dan Sarawak.

Ahli Yang Berhormat dari Bagan Datuk telah pun mengatakan bahawa di setengah-setengah tempat itu terdapat banyak sangat lesen teksi, di setengah-setengah tempat tak cukup. Ingin saya mengatakan, Tuan Yang Dipertua, bahawa pada hari ini, Lembaga sedang membuat dan sudah membuat beberapa kajian iaitu kajian terhadap lori, teksi bas dan sebagainya supaya dalam sedikit masa lagi dapatlah kita gambaran yang tepat mengenai kedudukan sebenarnya industri pengangkutan jalan raya ini supaya dapatlah menjadi panduan

yang tepat, atau panduan yang boleh diharapkan terhadap perlesenan pengangkutan awam di masa akan datang. Tentang rungutan-rungutan bekas tentera tak dapat permit tadi, saya ingin menekankan bukan otomatik bekas tentera atau olis boleh dapat permit ini, kerana adakalanya bekas tentera ini apabila disiasat, sudah pun ada kerja. Kadang-kadang dia sudah menjadi peneroka FELDA. Kadangkala dia sudah ada perniagaan yang lain. Dia cuma nak dapat permit ini sebagai pendapatan sampingan. Dalam hal ini sungguhpun dia bekas tentera tidak akan diberi. Kita akan hanya beri keistimewaan kalau dia membawa teksi sebagai mata pencarian.

Tuan Yang Dipertua, mengenai Ahli Yang Berhormat Bagan Datuk mengadakan adakala bas-bas ini tidak mengikut laluan, saya harap dapat maklumat yang tepat. Saya berharap kepada Ahli Yang Berhormat janganlah tunggu persidangan Dewan Rakyat baru membuat makluman kepada saya tentang mana-mana bas yang menyeleweng laluannya. Saya khuatir kalau masuk dalam akhbar nama ini, besok dia betulkan laluannya. Bila JPJ hendak tangkap tidak sempat, kerana dia tahu kita sedang mengekorinya. Jadi haraplah dari masa ke semasa dapat diberitahu tentang perkara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Parit Buntar telah menekankan soal ada orang yang memiliki lebih dari satu permit. Di masa yang lepas memang benar ada orang yang mendapat 3, 4 permit dan satu pun tidak dijalkannya. Pada hari ini dari segi teksi seseorang yang memandu teksi itu hanya boleh layak mendapat satu permit kecualian hanyalah diberi kepada koperasi ataupun syarikat-syarikat yang mengendalikan teksi yang mana ia membuktikan ia menggaji pemandu teksi, membayar

EPF dan sebagainya iaitu benar-benar diuruskan syarikat itu sebagai syarikat teksi. Hanya itulah yang dapat diberi lebih daripada satu permit. Ahli Yang Berhormat juga telah membangkitkan soal bas sekolah. Memanglah dasar kita supaya apabila keperluannya dibuktikan maka bas sekolah diberi bahkan boleh saya katakan pemberian permit bas sekolah, bas kilang adalah lebih liberal. Cumanya memang ada lagi penyelewengan yang dibuat. Kadang-kadang bas sekolah ini hanya untuk beberapa masa digunakan sebagai bas sekolah. Lepas itu pula digunakan bas ekspres haram dan sebagainya.

Jadi, Tuan Yang Dipertua, itu sajalah yang dapat saya jawab sebagai response kepada perkara yang dibangkit oleh Ahli Yang Berhormat dan mana-mana perkara yang tidak saya sentuh akan diambil catatan dan saya berharaplah supaya dengan pindaan yang dibuat kepada Ordinan Lalulintas 1958 ini dapatlah Lembaga dan juga pihak rayuan membereskan kerja-kerjanya dengan jangkamasa yang lebih pendek dan juga dapat membantu mempercepatkan lagi prestasinya.

Sekian, saya mengucapkan berbanyak terima kasih.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Shamsuri bin Md. Salleh
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 14 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENGAMBILAN TANAH (PINDAAN)

**Bacaan Kali Yang Kedua
dan Ketiga**

5.02 ptg.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Rais Yatim): Tuan Yang Dipertua, saya dengan hormatnya mohon mencadangkan bahawa satu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pengambilan Tanah, 1960 dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang Dipertua, setiap pembangunan fizikal bagi memajukan negara berkehendakkan tanah, sama ada untuk mendirikan bangunan ataupun untuk melaksanakan projek-projek seperti pertanian, perparitan, jalanraya, jambatan dan sebagainya. Tanpa tanah tidak mungkin adanya sekolah, tidak mungkin adanya hospital dan berbagai-bagai lagi kemudahan untuk kepentingan rakyat. Walaupun dalam ertikata yang sebenar jumlah keluasan tanah dalam negara tiada akan berkurangan, namun tanah yang sesuai dan yang masih belum dimiliki orang semakin berkurangan dari semasa ke semasa. Justeru itulah bagi meneruskan pembangunan negara, Kerajaan terpaksa mengambil balik tanah-tanah yang telah diberi milik dahulunya dengan membayar pampasan yang setimpal dan adil.

Akta Pengambilan Balik Tanah adalah satu-satunya undang-undang yang membolehkan Kerajaan berbuat

sedemikian. Undang-undang ini janganlah hendak kita jadikan atau dianggap sebagai suatu muslihat untuk merampas tanah bagi tujuan pembangunan atau tujuan-tujuan yang lain. Anggapan seperti ini adalah terlalu sempit dan terpesong langsung daripada matlamat asal. Akta ini haruslah disifatkan sebagai alat yang boleh membawa kita ke matlamat yang dihasjati. Kita harus menerima hakikat bahawa pelaksanaan Akta ini tiada melibatkan apa-apa pengorbanan kerana unsur-unsur keadilan dalam pengurusan pampasan adalah diperkuatkan.

Tuan Yang Dipertua, Akta Pengambilan Balik Tanah yang ada sekarang ini telah pun berkuatkuasa mulai tahun 1960. Dalam tempoh lebih kurang 23 tahun itu Kerajaan telah dapat membawa berbagai-bagai corak pembangunan ke segenap pelusuk tanahair. Hasil daripada pembangunan yang pesat ini kemudahan-kemudahan yang terdapat di kampung-kampung sekarang amatlah jauh berbeza dengan apa yang terdapat pada 20 tahun yang lalu.

Semenjak ianya dikuatkuasakan dalam tahun 1960 Akta ini telah beberapa kali dipinda. Pindaan-pindaan yang lalu adalah dibuat atas beberapa perkara pentadbiran dan prosedur. Pada kali ini keseluruhan Akta ini telah dikaji semula secara terperinci. Perkara-perkara dasar dan prinsip diberi perhatian yang khusus dengan tujuan untuk membolehkan tuan-tuan tanah yang terlibat mendapat keadilan yang lebih sempurna dari berbagai sudut. Di samping itu pindaan-pindaan yang dicadangkan ini juga memberi jaminan yang konkrit bahawa sesuatu pengambilan balik tanah itu akan diselesaikan dalam jangka masa yang ditetapkan.

Tuan Yang Dipertua, semenjak kebelakangan ini persoalan-persoalan mengenai Tanah Simpanan Melayu

atau pendeknya TSM telah banyak mencetuskan perbincangan yang hangat di segenap lapisan masyarakat. Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah sememangnya sentiasa memberikan perhatian yang serius terhadap perkara ini. Setelah diteliti dan dikaji dengan sebaik-baiknya maka Kementerian telah memasukkan dalam cadangan pindaan Akta ini suatu perubahan dasar dari segi prinsip penilaian atas Tanah Simpanan Melayu yang terlibat dengan pengambilan balik tanah. Pada amnya TSM sentiasa dianggap sebagai mempunyai nilai harga yang lebih rendah daripada tanah-tanah lain meskipun dalam kawasan yang sama. Oleh kerana anggapan ini agak menyeluruh satu stigma telah wujud yang membawa pengertian bahawa TSM itu memang rendah nilainya. Keadaan ini adalah mendukacitakan.

Kita sedar bahawa sehingga sekarang Tanah-tanah Simpanan Melayu masih sukar mencapai nilai harga yang sama dengan tanah-tanah lain di pasaran terbuka. Sebab-sebabnya dari segi logik adalah kurang jelas. Ada yang mengatakan bahawa tanah-tanah sedemikian terhad pasarannya, ada yang mengatakan TSM kebanyakannya tidak mempunyai potensi pembangunan dengan sebab tidak ada infrastruktur dan mungkin ada berbagai-bagai lagi alasan yang lain yang kita diminta mempercayai bahawa TSM itu tidak setaraf nilainya dengan tanah-tanah lain. Namun jika kita mencari sebab musabab yang lebih logik daripada apa yang disogokkan kepada kita selama ini, nescaya kita akan menemui suatu konsep yang telah dibenamkan ke dalam jiwa kita semenjak zaman penjajahan dahulu. Kita diasuh supaya menerima hakikat bahawa orang-orang Melayu itu hanya layak menjadi petani, maka tanah-tanah yang diberikan kepada mereka sewajarnya pula tanah-tanah desa untuk pertanian sahaja. Apabila kawasan Simpanan

Melayu diwujudkan sudah tentulah kebanyakannya terdiri daripada tanah hutan dan desa sahaja.

Tuan Yang Dipertua, pada hari ini keadaan TSM tidak banyak berbeza dengan tanah-tanah lain di kawasan yang sama, malah banyak terdapat tanah TSM yang berhampiran dengan bandar, malah di dalam bandar pun terdapat sebanyak sedikit. Maka sudah tibalah masa dan ketikanya konsep dan kepercayaan yang usang itu dihapus dan dikuburkan.

Justeru itu, Tuan Yang Dipertua, Kementerian ini sukacita mengusulkan suatu prinsip baru dalam penaksiran harga tanah di bawah Akta Pengambilan Tanah, 1960. Adalah dicadangkan bahawa dalam menilai harga tanah bagi maksud pampasan kenyataan yang suatu tanah itu adalah Tanah Simpanan Melayu hendaklah tidak diambil kira. Ini bermakna bahawa TSM mestilah dinilai dengan nilai harga yang sama seperti tanah-tanah lain yang sekawasan dengannya, yang terletak di luar TSM. Prinsip ini juga hendaklah digunakan dalam penilaian tanah-tanah pegangan Melayu atau Malay Holdings di negeri Terengganu dan tanah-tanah adat di negeri Melaka atau Malacca Customary Lands, dengan izin. Insya Allah dengan berkuatkuasanya pindaan ini nanti bukan sahaja akan lenyap satu corak diskriminasi terhadap TSM dalam segi harga dan nilai tetapi juga Tanah Simpanan Melayu diberi taraf dan darjat yang setanding dengan tanah-tanah lain.

Tuan Yang Dipertua, proses pengambilan balik tanah adalah melalui peringkat-peringkat tertentu seperti pemilihan tapak, perisytiharan dalam Warta Kerajaan, perbincangan, pemberian pampasan, pembayaran pampasan, rujukan, bantahan ke mahkamah dan sebagainya.

Dalam keadaan sekarang undang-undang tidak menentukan had masa yang tertentu dalam mana sesuatu peringkat itu perlu dibereskan. Ini kadangkala menyebabkan kelambatan dalam tindakan pengambilan tanah. Akibat daripada kelambatan ini bukan sahaja jadual rancangan Kerajaan menjadi tergendala tetapi juga tuan-tuan punya tanah menanggung kerugian dari segi penepatan nilai harga tanah.

Kementerian memandang berat dalam soal ini kerana tuan punya tanah tidak seharusnya dibiarkan menanggung akibat daripada kelambatan jentera pentadbiran. Dengan hasrat untuk memberi keadilan yang lebih baik kepada tuan-tuan punya tanah yang terlibat serta selaras dengan janji Kerajaan untuk mewujudkan suatu pentadbiran yang cekap maka beberapa pindaan kepada peruntukan-peruntukan yang berkaitan adalah dicadangkan.

Tuan Yang Dipertua, apabila Kerajaan memutuskan bahawa sesuatu tanah milik dikehendaki untuk kepentingan awam maka suatu perisytiharan di bawah Seksyen 8 Akta Pengambilan Tanah 1960 perlu dibuat di dalam *Warta Kerajaan*. Selepas itu suatu perbicaraan hendaklah diadakan oleh Pemungut Hasil Tanah (PHT) dengan semua pihak yang mempunyai kepentingan atas tanah yang berkenaan untuk menentukan pemberian pampasan (award of compensation). Pemberian pampasan ini adalah dibuat melalui borang "G" dan nilai harga tanah dikira atas asas harga pasaran pada tarikh perisytiharan di bawah Seksyen 8, Akta tadi pula menetapkan tempoh jangka masa di antara tarikh pengisytiharan Seksyen 8 dengan tarikh borang "G". Ini bermakna bahawa perbicaraan yang dimaksudkan tadi ataupun pengeluaran borang "G" boleh dilakukan pada bila-bila masa. Ini

boleh menimbulkan satu situasi dalam mana sesuatu tanah yang diperlukan oleh Kerajaan diwartakan di bawah Seksyen 8, tetapi perbicaraan tidak diadakan sehingga 5-6 tahun. Apabila pada akhirnya perbicaraan diadakan dan pampasan diberi, tuan punya tanah akan mengalami kerugian oleh kerana pampasan yang diberi adalah berasas kepada nilai harga tanah pada tarikh warta di bawah Seksyen 8, iaitu 5-6 tahun terdahulu. Oleh itu, Tuan Yang Dipertua, untuk menjamin supaya tuan punya tanah tidak akan menanggung kerugian akibat daripada jentera pentadbiran yang lembab suatu pindaan dicadangkan supaya pengisytiharan yang dibuat di bawah Seksyen 8 itu berkuatkuasa hanya selama 2 tahun sahaja melainkan dalam tempoh itu Pemungut Hasil Tanah selesai mengadakan perbicaraan dan mengeluarkan borang "G". Sekiranya tempoh 2 tahun itu luput tanpa dikeluarkan borang "G" maka keseluruhan proses pengambilan tanah itu adalah terbatal dan tidak berkuatkuasa lagi.

Pindaan ini memberi jaminan yang tegas bahawa proses pengambilan balik tanah mulai daripada peringkat pengisytiharan di bawah Seksyen 8 hingga ke peringkat borang "G" yakni di peringkat pemberian pampasan tidak boleh mengambil masa lebih daripada 2 tahun. Sekiranya proses jentera pentadbiran itu melewati jangka masa ini, maka pengambilan balik tanah itu terbatal dengan sendirinya.

Tuan Yang Dipertua, di bawah peruntukan Akta yang ada sebaik sahaja borang "G" disediakan, Pemungut Hasil Tanah hendaklah membuat tawaran pampasan kepada tuan tanah yang berkenaan melalui borang "H". Setelah mendapat borang "H" tuan punya tanah boleh menerima atau menolak tawaran PHT itu. Jika ia menerima maka pembayaran akan dibuat. Jika ia menolak PHT akan menandatangani wang pampasan itu di

mahkamah. Pampasan hendaklah dibayar atau didepositkan sebelum ataupun pada tarikh tanah itu diambil alih dengan resminya. Pengambilan alih dengan resmi (formal possession) adalah dilakukan dengan dikeluarkan borang "K". Kesimpulannya wang pampasan hanya perlu atau diwajibkan dibayar kepada tuan tanah apabila borang "K" dikeluarkan. Peruntukan Akta yang ada sekarang ini tidak menentukan bilakah borang "K" harus dikeluarkan. Apa yang ditentukan ialah apabila borang "K" dikeluarkan bayaran hendaklah dibuat.

Jadi sekiranya pengeluaran borang "K" itu ditangguhkan tidak ada cara bagi tuan punya tanah untuk mendapatkan wang pampasannya. Maka sekali lagi untuk memberi keadilan yang lebih baik kepada tuan punya tanah, pindaan dicadangkan supaya tarikh selewat-lewatnya pembayaran pampasan itu mesti dibuat tidaklah bergantung semata-mata atas pengeluaran borang "K" sahaja. Peruntukan baru yang dicadangkan ini mewajibkan pembayaran pampasan dibuat selewat-lewatnya pada tarikh borang "K" dikeluarkan yakni sama seperti peruntukan yang ada sekarang ataupun tidak lebih daripada dari 3 bulan selepas dikeluarkan tawaran pampasan kepada tuan punya tanah. Dengan adanya pindaan ini, tuan punya tanah mendapat jaminan bahawa wang pampasannya akan dibayar oleh PHT selambat-lambatnya 3 bulan daripada tarikh tawaran dibuat tidak kira sama ada borang "K" dikeluarkan atau tidak.

Tuan Yang Dipertua, satu lagi pindaan yang dicadangkan ialah berhubung dengan faedah (interest) yang dikenakan ke atas Kerajaan sekiranya berlaku kelambatan membayar wang pampasan. Di bawah peruntukan kini jika sekiranya borang "K" dikeluarkan tanpa dibayar wang pampasan maka Kerajaan diwajibkan

membayar faedah di atas jumlah wang pampasan yang berkenaan dikira daripada tarikh borang "K" dikeluarkan sehingga wang pampasan itu dibayar kepada tuan punya tanah. Kadar faedahnya ialah 6%. Kadar ini adalah sangat rendah jika dibandingkan dengan kadar faedah yang boleh didapati dari punca-punca lain, seperti simpanan bank dan seumpamanya. Kerajaan tidak berhajat untuk menandingi kadar faedah yang boleh didapati daripada punca-punca lain itu tetapi Kerajaan berazam untuk memberi keadilan yang lebih baik kepada tuan punya tanah. Maka dengan itu dicadangkan dibuat supaya kadar faedah 6% diperuntukkan sekarang dinaikkan kepada 8% setahun.

Tuan Yang Dipertua, seseorang tuan tanah yang tanahnya diambil balik oleh Kerajaan adalah berhak membantah atas pampasan yang ditawarkan kepadanya. Jika dia tidak berpuas hati dengan jumlah itu dia boleh memohon kepada PHT supaya bantahannya dirujuk ke mahkamah.

Apabila menerima borang "N" yang berkenaan Pemungut Hasil Tanah dikehendaki menyediakan borang "O" pula dan menghantarkannya ke mahkamah. Undang-undang tidak menetapkan jangka masa dalam mana PHT mesti menghantar borang tersebut ke mahkamah. Jika PHT lambat mengambil tindakan tuan punya tanah tidak berdaya berbuat apa-apa melainkan menunggu sahaja untuk mendapat keadilan. Perkara ini difikirkan tidak seharusnya dibiarkan begitu sahaja, tuan punya tanah perlu diberi perlindungan sebanyak sedikit. Maka dengan itulah pindaan dicadangkan seperti berikut:

- (1) Apabila menerima borang "N" yakni permohonan daripada tuan tanah, PHT hendaklah menghantar satu salinan borang tersebut kepada Pendaftar Mahkamah;

- (2) Pemungut Hasil Tanah diwajibkan menghantar borang "O" tersebut ke mahkamah dalam masa 3 bulan daripada tarikh dia menerima borang "N";
- (3) Sekiranya Pemungut Hasil Tanah gagal mengemukakan borang "O" ke mahkamah dalam masa 3 bulan itu atau dalam masa lanjutan yang dibenarkan oleh mahkamah maka atas permohonan mana-mana pihak atau orang yang mempunyai kepentingan dalam kes berkenaan, mahkamah berkuasa meluluskan kes itu sebagaimana yang difikirkan wajarnya.

Dengan adanya pindaan ini, tuan punya tanah mendapat jaminan bahawa permohonannya kepada Pemungut Hasil Tanah bukan sahaja berada di dalam pengetahuan mahkamah tetapi juga permohonan itu ada diangkut ke mahkamah oleh PHT dalam masa 3 bulan.

Tuan Yang Dipertua, satu lagi pindaan yang akan memberi faedah kepada tuan punya tanah ialah berhubung dengan tanah-tanah pertanian. Sebagaimana yang dimaklumkan tadi, nilai harga tanah yang akan diambil balik adalah mengikut harga pasaran tanah itu pada tarikh perisytiharan di bawah Seksyen 8.

Tetapi tanah itu hanya akan menjadi hak Kerajaan setelah borang 'K' dikeluarkan. Dengan itu tuan tanah boleh terus mengusahakan tanahnya selagi borang 'K' tidak dikeluarkan, walaupun pengisytiharan di bawah seksyen 8 telah dibuat.

Di bawah peruntukan yang ada sekarang apa-apa perbelanjaan yang dikeluarkan oleh tuanpunya tanah bagi maksud usaha pertanian di atas tanahnya selepas tarikh pengisytiharan di bawah seksyen 8 tidak boleh diambilkira dalam penentuan jumlah

pampasan. Hasil kajian yang telah dibuat adalah didapati bahawa peruntukan ini menyusahkan.

Kita sedia maklum bahawa kebanyakan tanah pertanian dimiliki oleh petani-petani yang miskin. Sebelum wang pampasan dibayar kepada mereka, mereka terpaksa menerus aktiviti bercucuk tanam di atas tanah yang berkenaan itu untuk sara hidup seharian. Mereka mungkin mengeluarkan sedikit sebanyak perbelanjaan dalam mengusahakan tanah itu. Oleh yang demikian pindaan adalah dicadangkan supaya apa-apa perbelanjaan yang dimaksudkan itu hendaklah dipertimbangkan dalam menentukan jumlah pampasan yang akan dibayar kepada tuan tanah.

Tuan Yang Dipertua, akhir sekali di bawah siri pindaan ini, di bawah Fasal 6 dibolehkan diberi pampasan dalam bentuk sebahagian tanah atau tapak rumah dengan gantian dan sebahagian dalam bentuk wang. Kuasa seperti ini tidak terdapat dalam peruntukan seksyen 15 dalam Akta yang sedia wujud.

Tuan Yang Dipertua, dengan beberapa langkah seperti yang diuraikan tadi adalah diharapkan bahawa undang-undang atau Akta bagi meminda Akta Pengambilan Tanah ini lebih kemaskini dan di samping itu memberi faedah dan pembelaan kepada rakyat jelata.

Saya mohon dengan hormatnya mencadangkan.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Mohamed Khalil Yaakob): Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pengambilan Tanah, 1960 dibacakan kali yang kedua

sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

5.25 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang Dipertua, berbagai pindaan-pindaan yang terkandung dalam Rang Undang-undang Pengambilan Tanah (Pindaan) 1983. Pada keseluruhannya adalah baik dan dapat diterima oleh umum dan apabila dibandingkan dengan undang-undang yang ada sekarang ianya adalah menunjukkan kebaikan dan oleh hal yang demikian saya hendak mengalu-alukan ciri-ciri untuk memberi manfaat dan faedah kepada rakyat.

Saya suka menumpukan ulasan saya ini kepada Fasal 18 Rang Undang-undang pindaan yang berhubung dengan prosedur untuk mentaksir nilai pasaran berbagai kategori tanah yang mana wang pampasan akan dibayar jika mana-mana tanah itu diambil oleh Kerajaan bagi tujuan awam.

Sub-seksyen (2B) memperuntukkan bahawa dalam mentaksirkan nilai pasaran mana-mana tanah dijadualkan yang ditunjukkan di dalam mana-mana rancangan pembangunan di bawah mana-mana undang-undang berhubung dengan perancangan bandar atau desa yang dicadangkan untuk sesuatu maksud awam ia hendaklah dianggapkan seolah-olah ianya telah tidak ditunjukkan sedemikian dalam rancangan pembangunan.

Tuan Yang Dipertua, adalah menjadi pandangan saya bahawa peruntukan ini adalah tidak berapa adil kepada tuanpunya-tuanpunya tanah yang terlibat. Jika seseorang yang mempunyai sekeping tanah yang telah ditunjukkan dalam satu rancangan pembangunan yang mana beliau mengetahui ianya akan dibangunkan bagi maksud perniagaan ataupun bagi

maksud perindustrian biasanya beliau menganggap akan mendapat satu nilai pasaran yang tinggi untuk tanahnya, jika ianya diambil oleh Kerajaan, maka sepatutnya beliau berhak menentu untuk mendapat satu kadar pampasan yang tinggi. Tuan Yang Dipertua, ini merupakan satu proses semula jadi kerana tanah yang terlibat yang dimiliki oleh sesiapa sahaja tuanpunya akan ditunjukkan untuk pembangunan perindustrian di bawah pelan induk untuk kawasan berkenaan, akan tetapi pindaan yang dicadangkan ini menafikan tuanpunya-tuanpunya tanah yang terlibat hak mereka untuk mendapatkan pampasan yang tertinggi kerana ianya dicatatkan di sini bahawa ianya hendaklah dianggapkan seolah-olah ianya tidak ditunjukkan sedemikian dalam rancangan pembangunan. Pindaan yang dicadangkan ini tidak berlaku adil kepada tuanpunya yang terlibat.

Saya suka menggesa Yang Berhormat Menteri yang berkenaan demi kepentingan keadilan semula jadi supaya mengkaji semula pindaan-pindaan yang dicadangkan ini dan membatalkan bentuk rangkaikata yang tidak begitu adil kepada tuanpunya-tuanpunya yang berkenaan.

Tuan Yang Dipertua, saya suka juga merujuk kepada Sub-seksyen (2C) yang memperuntukkan bahawa jika tanah yang dijadualkan itu dikhaskan untuk sesuatu tujuan dari apa-apa jenis yang tidak mempunyai sebarang permintaan am atau pasaran bagi maksud tersebut, maka pentaksirannya hendaklah dibuat atas dasar kos berpatutan bagi penempatan semula di sesuatu tempat lain jika dikehendaki dengan *bona fide*.

Tuan Yang Dipertua, sekali lagi saya rasa bahawa ini adalah tidak berapa adil kepada orang-orang yang terlibat kerana tidak terdapat satu kayu pengukur atau dalam bahasa Inggeris dengan izin yardstick yang sempurna

untuk mentaksir nilai mana-mana tanah. Apabila ianya dicatatkan sebagai atas dasar kos berpatutan bagi penempatan semula di sesuatu tempat lain, jika dihajatkan dengan *bona fide* ianya akan bermakna bahawa keseluruhan perkara ini akan diletakkan kepada Pemungut Hasil Tanah untuk menggunakan budibicaranya bagi menentukan apakah dia kos berpatutan atau kos yang tidak berpatutan dalam cara pampasan itu dibayar. Ianya akan nampak adil jika satu kaedah digunakan untuk menentukan apa yang disifatkan sebagai kos berpatutan bagi penempatan semula.

Di sini, Tuan Yang Dipertua, saya ambil sebagai contoh, seorang peladang atau penanam yang mempunyai sekeping tanah yang diambil oleh Kerajaan bagi maksud pembangunan. Kepada beliau, apa juga bentuk pampasan berupa wang tidak akan mencukupi untuk memberi gantirugi di atas kerugian yang dialami ataupun yang ditanggung oleh beliau jika tanahnya diambil untuk maksud awam. Daripada memberi pampasan dalam bentuk wang kepada beliau yang mana akan terserah sepertimana yang dicatatkan dalam Rang Undang-undang ini kepada Pemungut Hasil Tanah untuk menentukan apakah kos berpatutan bagi penempatan semula di satu tempat yang lain, pada anggapan saya adalah lebih baik jika Pemungut Hasil Tanah dapat memberi pampasan berupa misalnya sekeping tanah baru untuk tujuan bercucuk tanam bagi membolehkan beliau meneruskan kehidupannya sebagai peladang.

Sebagai satu contoh yang lain, peladang-peladang yang ada misalnya di satu tempat di Negeri Selangor, iaitu di Kampung Baru Subang di mana mereka telah menerima notis untuk berpindah dan mengosongkan tempat mereka ini bagi tujuan pembesaran Lapangan terbang Subang dan mereka

telah ditawarkan wang pampasan sahaja, akan tetapi mereka tidak berpuas hati kerana pampasan berbentuk wang ini tidak mencukupi untuk menghadapi keadaan hidup pada masa ini, sebaliknya mereka menghendaki tanah sebagai tapak untuk bercucuk tanam. Tuan Yang Dipertua, adalah pandangan saya bahawa ianya akan lebih merupakan satu penyelesaian yang praktik jika misalnya sepertimana yang dikatakan oleh saya tadi sekeping tanah dipunyai oleh tuanpunya-tuanpunya persendirian diambil balik oleh Kerajaan untuk sesuatu maksud awam, maka adalah sesuai dan mustahak bahawa beliau diberi satu cara pampasan yang lebih berfaedah.

Saya suka menggesa Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya meneliti subseksyen (2B) dan (2C) dalam Fasal 18 dan membuat sedikit pembaikan atau pindaan dengan membatalkan rangkai-kata yang tidak adil dan mengekalkan keadilan demi kepentingan tuanpunya-tuanpunya yang terlibat di mana tanah mereka terlibat menerusi 2 subseksyen di atas. Jika pihak Kerajaan begitu bermurah hati dalam memberikan layanan kepada Tanah Simpanan Melayu sebagaimana yang disentuh dalam subseksyen (2A) yang memeruntukkan bahawa dalam menaksir nilai pasaran mana-mana tanah dijadualkan fakta bahawa tanah tersebut adalah tanah rizab Melayu, atau pegangan Melayu di Terengganu atau tanah adat Negeri Sembilan atau Negeri Melaka tidak boleh diambil kira. Walaupun saya memberi sokongan kepada peruntukan ini berhubung Tanah Simpanan Melayu, saya suka juga pada masa yang sama menggesa Yang Berhormat Menteri supaya berlaku adil dan saksama kepada semua mereka yang terlibat dalam peruntukan subseksyen (2B) dan (2C) ini.

Saya juga mengalu-alukan pindaan yang dicadangkan yang memperuntukkan pemendekan tempoh pampasan dari 12 bulan ke 6 bulan. Pindaan ini diperlukan bagi memastikan bahawa proses bayaran pampasan boleh dipercepatkan supaya mereka yang terlibat oleh tindakan pengambilan tanah akan dibayar dengan segera oleh Kerajaan. Pada masa yang lalu dan juga pada masa sekarang bayaran pampasan untuk tujuan pengambilan tanah biasanya lewat dibayar oleh Kerajaan. Terdapat juga kes yang mana rayuan-rayuan untuk mendapatkan pampasan yang lebih tinggi dan yang lebih adil terbengkalai di mahkamah menyebabkan kebimbangan kepada tuan-punya-tuan-punya yang terlibat.

Saya harap dengan cadangan pindaan ini Yang Berhormat Menteri yang berkenaan atau Kerajaan akan mengambil langkah-langkah tertentu untuk memastikan bahawa proses bayaran pampasan untuk semua tanah yang diambil bagi sesuatu maksud awam akan dipercepatkan demi kepentingan tuan-punya-tuan-punya tanah yang terlibat.

Itulah pandangan saya terhadap Rang Undang-undang ini.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang.

5.37 ptg.

Datin Paduka Zaleha binti Ismail (Tanjong Karang): Tuan Yang Dipertua, saya mengambil kesempatan ini mengalu-alukan dan mengucapkan tahniah serta terima kasih kepada Kerajaan bagi pihak rakyat atas rasional di belakang pindaan Akta Pengambilan Tanah 1960 seperti yang telah dihuraikan oleh Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah sebentar tadi, iaitu perkara yang penting menjamin harga Tanah Simpanan Melayu, yakni

memberinya harga pasaran yang setanding dengan tanah-tanah lain serta melindungi tuan-tuan tanah, khususnya petani-petani.

Saya bagi pihak rakyat sangat gembira berkaitan dengan had masa 2 tahun bagi pengambilan tanah dan tempoh bayaran pampasan yang telah disingkatkan, bahkan Yang Berhormat Menteri mengatakan tadi sebolehnya dijelaskan dalam tempoh 3 bulan. Kalau ini benar-benar dapat dilaksanakan memang banyak masalah dapat diselesaikan. Mengikut pengalaman saya memang had masa ini telah banyak menimbulkan masalah dan kerumitan serta merugikan kedua-dua pihak, iaitu Kerajaan dan juga tuan tanah kerana misalnya kalaulah tanah itu tanah kelapa sawit yang diambil oleh Kerajaan dan tidak selesai urusan-urusannya dan tidak dijalankan pembangunan oleh Kerajaan kepada tanah itu dalam tempoh hingga 5 tahun maka pihak tuan tanah kerugian dan Kerajaan juga kerugian kerana biasanya hasil daripada tanah yang diambil balik itu tidak diguna atau tidak diuruskan.

(Tuan Yang Dipertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Pernah pengundi dalam kawasan saya datang ke pejabat saya mengadu mengenai bayaran pampasan yang terlalu lewat hingga 5 tahun belum dijelaskan, tanah itu diambil oleh JPT, bukannya banyak, untuk dibuat parit sahaja dalam tanah itu, tetapi hingga 5 tahun tidak dijelaskan dan malangnya pula tuan tanah jatuh sakit dan kemudian meninggal dunia. Oleh yang demikian, ini menimbulkan lagi kerumitan bagi anak-anak tuan tanah dan yang menyedihkan jumlah yang hendak diterima dari pampasan itu bukanlah besar, berjumlah hanya \$200 lebih sahaja.

Satu lagi kejadian pengambilan balik tanah yang menjadi masalah kepada rakyat pengundi-pengundi dalam kawasan saya yang belum lagi

diselesaikan ialah pengambilan balik tanah membina jalanraya, iaitu Jalan Tanjong Karang ke Sabak Bernam. Tanah ini telah diambil 28 tahun yang lalu tetapi masih belum dikeluarkan dari geran tanah-tanah berkenaan dan tuan tanah terus-menerus membayar cukai bagi tanah yang telah diambil oleh Kerajaan itu.

Mengenai bayaran faedah, saya benar-benar berharap bayaran faedah kerana kelewatan ini dapat dibayar kepada tuan tanah kerana selama ini tidak ditegaskan dan tuan-tuan tanah, terutamanya petani-petani dan orang-orang kampung juga tidak begitu mengetahui mengenai faedah ini.

Rakyat memang menyokong usaha Kerajaan membuat rancangan pembangunan dan kadangkala terpaksa mengambil balik tanah dari rakyat bahkan dari petani-petani yang susah yang bergantung hidup kepada tanah untuk maksud pembangunan tetapi saya berharap tanah-tanah Simpanan Melayu yang ada potensi dimajukan oleh tuan-tuan tanah sendiri hendaklah ditimbang supaya tidak diambil balik oleh Kerajaan. Ini adalah dengan tujuan untuk memberikan peluang kepada tuan-tuan tanah mendapatkan sebanyak-banyak faedah dari tanahnya dengan memajukannya sendiri.

Yang Berhormat Menteri tadi telah juga menyatakan berbagai-bagai faktor yang menyebabkan Tanah-tanah Simpanan Melayu menjadi rendah harganya ataupun dianggap tidak ada potensi. Masalah-masalah lain yang berkaitan dengan Tanah Simpanan Melayu ialah letaknya di luar kawasan zoning yang penting di luar kawasan pihak Berkuasa Tempatan dan ramai pula bilangan orang yang berhak atas satu-satu tanah itu. Faktor-faktor ini memang menyebabkan Tanah Simpanan Melayu jadi terbiar kerana sukar untuk dimajukan. Oleh yang demikian, untuk memberikan harga pasaran yang

munasabah dan setanding saya menyeru pihak-pihak Berkuasa Tempatan dan juga Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan membenarkan tukar syarat Tanah-tanah Simpanan Melayu yang hendak dimajukan oleh tuan tanah berseorangan ataupun beramai-ramai walaupun tanah itu di luar kawasan Majlis Tempatan.

Alasannya, Tuan Yang Dipertua, ialah kerana biasanya pihak Berkuasa Tempatan tidak membenarkan tanah-tanah di luar kawasan pihak Berkuasa Tempatan ini dimajukan disebabkan takutkan tidak ada kemudahan-kemudahan asas. Pada pendapat saya orang-orang Melayu terutamanya mereka yang tinggal di kampung-kampung di luar daripada kawasan Majlis-majlis Tempatan, Majlis-majlis Daerah masih dapat menjaga kebersihan sekeliling rumah-rumah mereka. Jadi, ini tidaklah menjadi alasan yang besar pada pendapat saya dengan tidak memberikan kebenaran tukar syarat untuk dimajukan Tanah-tanah Simpanan Melayu di luar kawasan pihak Berkuasa Tempatan kerana jika tidak dibenarkan tanah-tanah ini ditukar syarat maka sukarlah tanah-tanah ini akan mendapat harga yang setanding dengan tanah-tanah yang lain.

Tuan Yang Dipertua, dengan itu saya menyokong pindaan Akta Pengambilan Tanah 1960 ini.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat dari Ulu Muda.

5.44 ptg.

Tuan Othman bin Abdul (Ulu Muda): Tuan Yang Dipertua, saya mengambil bahagian di dalam perbincangan ini bagi menyokong Akta Pengambilan Tanah 1960 yang telah pun dibentangkan oleh Menteri tadi.

Di dalam menghuraikan beberapa perkara sudah pastilah kita menganggap bahawa urusan

pengambilan tanah adalah bertujuan untuk pembangunan. Walaupun kita lebih mementingkan soal pembangunan tetapi masalah-masalah yang timbul daripada pengambilan ini perlulah juga kita pertimbangkan.

Di dalam seksyen 3 Akta Pengambilan Tanah ini memberikan 3 perkara yang besar mengapa Kerajaan mengambil balik tanah ini.

Di sini saya hanya akan membincangkan dua perkara. Pertamanya, mengenai pengambilan untuk kepentingan sosial dan yang keduanya, adalah pengambilan untuk kepentingan perindustrian.

Di dalam masalah yang pertama inilah saya mencadangkan jika sekiranya Kerajaan mengambil balik tanah-tanah daripada orang-orang perseorangan, petani-petani misalnya adalah disyorkan supaya mereka ini dapat satu pampasan yang agak memuaskan dan juga jika sekiranya boleh mereka ini ditempatkan semula pada kawasan-kawasan yang difikirkan sesuai ataupun mereka ini diberi gantian kepada satu kawasan yang lain bagi mereka yang benar-benar tidak mempunyai tanah, hanya boleh jadi sekeping tanah itu sahajalah yang dimiliki olehnya dan jika sekiranya Kerajaan mengambil keseluruhan daripada tanah itu maka mereka ini akan menderita keadaannya. Masalah sosial baru timbul hasil daripada pembangunan Kerajaan.

Masalah yang kedua iaitu pengambilan tanah dengan tujuan untuk perindustrian. Ini berlaku di mana-mana kawasan di negara kita ini. Misalnya, satu kawasan tanah sawah, Tanah Simpanan Melayu telah diambil balik oleh Kerajaan dengan alasan untuk didirikan ataupun dibina kawasan perindustrian.

Pada peringkat permulaan penilaian tanah ini adalah dibuat berdasarkan pada harga tanah pertanian dan Tanah Simpanan Melayu, sudah pastilah

nilai yang diberi kepada tanah ini adalah rendah. Kemudian setelah diambil balik, pihak Kerajaan menukar syarat kepada perindustrian dan memecah lot untuk diberikan ataupun untuk diberi lease kepada mereka yang bertujuan untuk mendirikan ataupun membuka perindustrian mereka. Jadi, di dalam perkara ini saya meminta supaya pihak Kerajaan memberi kesempatan kepada tuan tanah kerana di mana tanahnya diambil oleh Kerajaan untuk tujuan perindustrian supaya memberi apalah salahnya jika sekiranya kita mempelawa tuan tanah itu memegang sebahagian daripada saham dengan nilai tanah yang dibuat oleh pihak Kerajaan di dalam syarikat yang ditubuhkan di atas tanahnya tetapi tidaklah dengan mengambil balik keseluruhan tanahnya itu. Jadi, dengan ini saya rasa suatu masa depan yang lebih gemilang baginya jika sekiranya kilang atau perindustrian yang didirikan di atas tanahnya itu mungkin berhenti operasinya kemudian kelak ia boleh mendapat semula tanah itu dan mendapat keuntungan sedikit-sebanyak daripada hasil saham yang dikira di atas dasar penilaian yang dibuat pada mulanya.

Dalam soal kelambatan projek-projek Kerajaan yang telah berlaku akibat ataupun disebabkan oleh kelambatan jabatan-jabatan Kerajaan menguruskan soal pengambilan, misalnya dalam seksyen 7 dalam Akta Pengambilan ini menunjukkan persediaan-persediaan yang perlu dibuat oleh Pemungut Hasil Tanah untuk disenaraikan bagi diserahkan kepada pihak yang berkenaan. Tetapi apa yang berlaku kadang-kadangnya mengikut daripada pengalaman bahawa jabatan-jabatan yang berkehendak kepada tanah ini tidak tahu membuat, tidak tahu siapakah yang perlu untuk membuat permohonan tanah, kepada siapa harus diarahkan permohonan itu. Kejadian ini benar dan memang sebenarnya

berlaku dan jika sekiranya boleh ditetapkan siapakah yang perlu membuat permohonan dan kepada siapa perlu diarahkan permohonan itu maka saya rasa segala projek-projek yang bersangkutan dengan urusan pengambilan tanah ini akan dapat diselesaikan dalam jangka masa yang singkat. Setengah-setengah projek Kerajaan dalam urusan pengambilan ini pun memakan masa 5 atau 6 tahun sebelum dilaksanakan pada peringkat permulaannya.

Dalam seksyen 12 kuasa membuat penilaian adalah terletak di tangan Pemungut Hasil Tanah untuk menilaikan berapakah jumlah pampasan yang perlu diberikan kepada pemilik tanah itu. Di dalam suatu keadaan, dalam satu kes yang telah berlaku di negeri Kedah di mana penilaian yang dibuat oleh Pemungut Hasil Tanah dengan penilaian yang dibuat oleh Pegawai Penilai adalah berbeza.

Dengan itu satu kekecuaan telah berlaku di mana pihak tuan tanah telah membawa kes ini ke Mahkamah untuk diselesaikan. Kebocoran ini memanglah suatu perkara yang amat kita kesali kerana pihak penilaian telah membocorkan rahsia penilaian yang dibuat oleh Pegawai Penilai. Tetapi soalnya di sini ialah tidak ada suatu kadar nilai yang serupa di antara seorang Pegawai Penilaian dengan Pemungut Hasil Tanah.

Saya ingin menarik perhatian kepada pindaan kepada seksyen 27 di dalam Akta Pengambilan Tanah ini. Dalam seksyen 27 ini saya rasa perlu juga dimasukkan suatu jangka masa yang sesuai bagi seorang Pemungut Hasil Tanah mengeluarkan semula surat hakmilik jika sekiranya sebahagian daripada tanah itu diambil. Satu kejadian berlaku di kawasan saya, satu pengambilan tanah telah dibuat dalam tahun 1964 dan sehingga ini

surat hakmilik sebahagian daripada tanah yang diambil itu belum lagi dikeluarkan setelah hampir 20 tahun, kejadian ini memang berlaku. Jadi di mana letak kesilapannya kita tidaklah tahu. Jadi kalau sekiranya boleh dalam seksyen 27 ini yang kita menetapkan satu jangka masa misalnya satu tahun bagi Pemungut Hasil Tanah mengeluarkan balik surat hakmilik sebahagian daripada tanah yang telah diambil itu untuk tuan punya tanah. Disebabkan tuan punya tanah itu tidak mempunyai surat hakmiliknya ia tidak dapat melakukan sebarang kegiatan di atas tanahnya, misalnya urusan tanam semula ataupun ia hendak membuat gadaian di atas tanah itu—dia tidak boleh buat. Jadi saya minta, merayu jika sekiranya seksyen ini dapat ditambah supaya satu jangka masa yang tertentu dapat dimasukkan dengan alasan supaya surat hakmilik sebahagian daripada tanah yang telah diambil itu dapat dikeluarkan kepada pemilik asalnya.

Telah disebutkan di dalam pembentangan tadi iaitu mengenai kesilapan di dalam memberi pampasan seksyen 31 (Pindaan) iaitu jika sekiranya kesilapan berlaku, wang pampasan telah diberikan kepada orang yang bukan berhak atas tanah itu dan dipinda supaya orang itu dapat menyerahkan balik dalam masa tiga bulan selepas daripada ia menerimanya. Jadi ekoran daripada ini apakah bentuk-bentuk tindakan yang boleh diambil jika sekiranya orang yang menerima wang pampasan itu yang bukan haknya tidak mengembalikan mengikut tarikh selepas daripada tiga bulan ia menerima wang yang diterimanya tadi.

Dalam seksyen 37 (3) ini telah dipinda iaitu bagi tanah-tanah yang mempunyai nilai lebih daripada \$15,000 sahaja yang boleh dikemukakan kepada Mahkamah, jika sekiranya pihak tuan tanah tidak

bersetuju dengan perkara-perkara yang telah dibuat oleh Pemungut Hasil Tanah. Pada asalnya di dalam Akta Pengambilan adalah menetapkan harga \$5,000.

Di sini inginlah saya memberi pandangan tentang kenaikan yang dibuat. Saya bersetuju tentang perkara ini. Tetapi seolah-olah kita telah cuba untuk menyekat sedikit sebanyak kebebasan di dalam usaha untuk membawa ke tengah, ke Mahkamah jika sekiranya kita tidak bersejutu dengan perkara ini.

Saya mengeluarkan perkara ini ialah kerana sebahagian daripada tanah-tanah masyarakat kampung tidak pernah, boleh jadi tidak pernah melebihi \$15,000.00 diambil oleh kerajaan, walaupun ia bersetuju atau tidak, dengan hal yang demikianlah ianya akan tetap bersetuju menyerah.

Perkara yang kedua, saya takut perkara ini akan menjadi satu masalah disebabkan oleh kebimbangan Pemungut Hasil Tanah yang dibuat penilaian lebih daripada \$15,000 dan takut kalau-kalau perkara ini dibawa ke Mahkamah maka Pemungut akan sentiasa menilai tanah-tanah supaya nilainya kurang daripada \$15,000.00 supaya ianya tidak boleh dicabar di Mahkamah. Saya berterima kasih kepada pihak Kerajaan yang telah pun memberi jaminan bahawa tanah-tanah simpanan Melayu yang akan diambil selepas daripada ini akan dinilai setimpal dengan harga pasaran yang lain. Ini adalah suatu perubahan. Perubahan yang menunjukkan bahawa tanah-tanah reserve Melayu ini juga adalah mempunyai nilai yang sama dengan harga pasaran yang lain.

Satu masa dahulu ada juga permintaan supaya kawasan atau tanah reserve melayu yang diambil oleh Kerajaan diminta supaya digantikan dengan satu kawasan tanah reserve Melayu di tempat yang lain. Saya rasa ini adalah satu permohonan yang boleh

diterima oleh pihak Kerajaan untuk menjamin supaya kawasan ataupun tanah reserve melayu tidak habis lama kelamaannya.

Jadi dengan ini, saya mengambil kesempatan untuk menyokong Rang Undang-undang (Pindaan) Akta Pengambilan Tanah 1960.

Tuan Yang Dipertua: Ahli Yang Berhormat dari Jelutong.

5.57 ptg.

Tuan Karpal Singh (Jelutong): Tuan Speaker, Rang Undang-undang ini mengandungi pindaan-pindaan dari segi pendapat saya patut dipinda sebelum masa sekarang.

Tuan Yang Dipertua, daripada segi Undang-undang masa sekarang bayaran ganti rugi bagi tanah diambil oleh Kerajaan dikira dengan kadar harga pasaran keping tanah itu pada tarikh notis gazette dikeluarkan bukan dikira dengan harga ketika masa 'award' itu dibuat. Terdapatnya kes dalam mana kelambatan dan kelewatan yang tiada munasabah berlaku antara tarikh notis gazette dikeluarkan dan tarikh pengambilan tanah itu berlaku dan harga tanah itu juga melompat-lompat tetapi tuan tanah hanya itu dibayar ganti rugi dengan kadar tanah ketika masa notis gazette itu diterbitkan.

Tuan Speaker, dalam kes Pemungut Hasil Tanah lawan Hong Gaik Tee dalam majalah MLJ Tahun 1983, Volume 2, muka 35. Mahkamah Persekutuan mengemukakan bahawa kelambatan panjang antara menterterakan notis gazette dan peringkat akhir peringatan membayar wang pampasan itu ialah salah guna kuasa dan pengambilan tanah itu tiada sah lagi.

Tuan Speaker, pada 7hb September tahun ini Mahkamah Rayuan Persekutuan telah memutuskan dalam kes Kam Gin Teck dan 8 orang lagi

kelambatan 8 tahun itu dari tarikh notis di gazette sehingga kepada tarikh siasatan dan mengeluarkan bayaran itu adalah satu perkara salah guna kuasa dan pengambilan tanah dibatalkan dengan sendiri.

Tuan Speaker, di sini saya memberitahu Dewan ini saya ada pecuniary interest, dengan izin, dalam perkara ini dengan sebab saya adalah peguambela dalam hal ini. Di sini mungkin sampai ke peringkat Majlis Privy, dengan sebab satu permohonan bagi mendapatkan keizinan Mahkamah Rayuan Persekutuan dalam pertimbangan Mahkamah Persekutuan itu.

Tuan Speaker, ini ialah satu kes dengan terus terang, menunjukkan wang pampasan dibayar kepada tuan tanah itu tiada patut dan munasabah di bawah Undang-undang masa sekarang. Tanah ini luasnya 111 ekar. Pengambilan tanah itu digazettekan pada 30hb Mac, 1972. Hukum itu dikenalkan pada 7hb Februari, 1980 dengan kadar bayaran gantirugi sebanyak \$193,666.00 berpatuh kepada undang-undang yang masih wujud sekarang. Pada masa hukum itu dikenalkan iaitu pada 7hb Februari, 1980 harga pasaran bagi tanah itu ialah \$4,532,000. Harga pasaran tanah itu pada 8hb Oktober, 1983 ialah \$8,362,420.

Tuan Speaker kemustahilan dalam undang-undang ini terus terang, hairanlah sesuatu tidak dibuat selama-lamanya untuk mengekalkan keadilan. Kelewatan pengambilan tanah selepas notis gazette itu hanya membawa penderitaan kepada tuan tanah itu bukan kepada Kerajaan yang mana ada kuasa untuk membatalkan pengambilan tanah itu pada bila-bila masa. Sepatutnya Kerajaan terpaksa gazettekan tanah hanya apabila ada keperluan bagi tujuan am. Pengambilan tanah itu tanpa tujuan tetap bagi keperluan am yang mungkin timbul atau tiada pada masa hadapan

dan diikat dengan kadar harga pasaran pada notis gazette itu ialah suatu perkara menyalahgunakan kuasa. Dengan menggazettekan tanah swasta bagi cadangan mengambilalih harga tanah itu diikatkan secara tiruan. Tuan tanah itu kehilangan "beneficial enjoyment" harta itu dengan sebab kemajuan-kemajuan dibuat atas tanah itu tidak membawa faedah kepada tuan tanah itu lagi dan tiada juga diberi wang pampasan bagi kemajuan-kemajuan tercapai setakat itu. Selain dari itu tuan tanah itu juga kena tunggu di hujung padang Kerajaan, dengan sebab kuasa pembatalan pengambilan tanah itu ada di tangan Kerajaan. Jika harga jatuh Kerajaan boleh membatalkan notis gazette itu atas kerugian tuan tanah, tetapi Kerajaan tidak akan menanggung kerugian. Dengan sebab itu Kerajaan hendaklah bertindak secara baik apabila mengambil tanah dengan sebab waktu dan masa itu ialah dasar penting termaktub dalam Akta Pengambilan Tanah.

Tuan Speaker, Akta itu ialah "expropriatory" dan hendaklah dikaji dengan cara teliti. Kelewatan dan kelambatan tanpa sebab-sebab sah hanya bererti tiada ada suatu tujuan mengambil tanah itu dengan segera untuk tujuan am. Ini ialah pendapat "Full Bench" Mahkamah Punjab dan Haryana dalam kes Radhey Sham lwn. State of Haryana yang ada dilaporkan dalam AIR 1982, Punjab dan Haryana muka 519.

Dalam kes Oriental Rubber and Oil Palms Sdn. Bhd. lwn. Pemungut Hasil Tanah Kuantan (1983) 1 MLJ 315 Mr Justice V. C. George menyatakan menanggukkan selama enam tahun dari tarikh notis gazette untuk pengambilan tanah hingga tarikh "inquiry" dan "award" ialah "fatal" menjadikan "acquisition proceedings" itu "null and void".

Tuan Speaker, kita jangan lupa Perkara 13 Perlembagaan Persekutuan memberi peruntukan bahawa harta sesiapa pun tiada boleh diambilalih kecuali mengikut undang-undang dan mana satu undang-undang juga tidak boleh menentukan kadar bayaran gantirugi yang patut untuk mengambil tanah dengan cara paksa. Kelambatan dalam hal mengambilalih harta benda tidak membawa bayaran gantirugi itu mengikut harga pasaran ketika tanah itu ditukar milik.

Tuan Speaker, terdapatnya menyalahgunakan kuasa oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dalam hal pengambilalih tanah swasta. Kerajaan Dr Lim Chong Eu telah menganiayakan beberapa orang tuan tanah di Pulau Pinang khususnya di Balik Pulau. Beberapa keping tanah luas milik swasta digezetkan untuk diambilalih dalam tahun 1972 ataupun tahun-tahun hampir dekat tahun itu, apabila harga tanah masa itu sangat rendah, tetapi "acquisition proceedings" hanya diselesaikan pada tahun 1979, apabila harga tanah itu melompat-lompat ke suatu paras tinggi tetapi undang-undang itu hanya membenarkan bayaran gantirugi mengikut harga pasaran pada tahun 1972 iaitu tarikh "intended acquisition". Saya telah pun menimbulkan perkara ini dalam Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, tetapi Kerajaan senantiasanya menjawab mereka mengikut undang-undang dan itu bererti suatu penganiayaan dikekalkan.

Saya rasa gembira atas perkara suatu pindaan itu akan membawa faedah-faedah kepada tuan-tuan tanah. Pindaan yang baik sekali ialah pindaan, dengan izin, "addition of Sub-section (3) to Section (4) of the Land Acquisition Act, 1960". Mengikut pindaan ini Kerajaan dipaksa memberi dalam satu tahun hendak beri notis Kerajaan hendak ambil tanah swasta.

Peruntukan sekarang tiada dihadkan tempoh itu membawa ke penganiayaan.

Tuan Speaker, pindaan Section 8 memberikan Kerajaan tempoh dua tahun untuk menyediakan langkah-langkah untuk mengambilalih tanah itu. Jika tiada dibuat sedemikian tanah itu dikembalikan kepada tuan tanah. Ini ialah suatu pindaan yang adil dan boleh diterima.

Tuan Speaker, satu lagi pindaan yang boleh disambut ialah pindaan bagi Section 32 Akta itu yang memberi peruntukan iaitu jika jumlah wang gantirugi tiada dibayar ataupun disimpan dalam bank sebelum ataupun pada satu tarikh tiga bulan selepas servis, maka notice award itu, yang mana lebih awal, faedah sebanyak 8% akan ditambah hingga ke award itu dibayar. Kadar faedah ialah hanya 6% setahun sekarang. Pada hari Jumaat lepas, Yang Berhormat Menteri Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan Kerajaan masih lagi berhutang sebanyak \$6 juta wang bayaran gantirugi kepada tuan-tuan tanah. Tidak dapat difahami macam mana Kerajaan boleh berhutang dalam hal ini.

Pengambilan tanah ialah suatu perkara penting khasnya dalam zaman aman damai. Pencipta-pencipta Perlembagaan kita memikirkan perlunya disisipkan peruntukan kawalan-kawalan dalam Perlembagaan kita. Gantirugi yang patut dan cukup hendaklah dibayar kepada tuan-tuan tanah yang terlibat dengan cepat. Kerajaan tidak boleh menyalahgunakan kuasa dalam hal ini. Pentingnya tanggungjawab Kerajaan menentukan kepentingan individu mesti memberi laluan untuk kepentingan orang-orang awam. Tetapi penyerahan tanah ialah perkara "pening" bagi tuan tanah. Rumah seorang rakyat ialah "kota" bagi orang itu. Jika Kerajaan hendak mengambil tanah swasta—ini hanya untuk

kepentingan am dan hendaklah dibuat dengan segera—sepatutnya semua hendaklah dibuat untuk menghidupkan Perkara 13 Perlembagaan yang memberi peruntukan melucutkan hak harta benda mengikut undang-undang dan dengan bayaran gantirugi yang cukup. Akta Pengambilalihan Tanah mestilah mencerminkan semangat dan roh Perlembagaan kita. Tiada terdapat semangat seperti itu dalam masa yang lampau.

Tuan Speaker, saya harap pindaan-pindaan yang dicadangkan akan dilaksanakan dengan hormat supaya memberi perlindungan kepada tuan-tuan tanah, sesiapa yang hendak mengorbankan tanah mereka bagi kepentingan besar orang ramai.

Tuan Yang Dipertua: Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih.

6.10 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed (Pasir Putih): Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk menyokong suatu Akta untuk meminda Akta Pengambilan Tanah 1960 yang pada pendapat saya bahawa belum lagi terlambat dan masanya telah tiba dan belum terlambat serta ini merupakan satu hasrat baik Kerajaan bagi memberi kebaikan kepada rakyat. Tambah-tambah lagi pindaan yang dibuat ini adalah datang daripada Kerajaan sendiri. Dan selama ini pihak Pembangkang tidak pernah memberi syor-syor untuk pindaan sepertimana yang kita bentangkan di sini. Jadi belum terlambat dan syabas kepada Kerajaan kita yang menyedari sendiri tentang hakikat perlunya untuk kepentingan rakyat.

Tuan Yang Dipertua, saya suka hendak menyebut beberapa perkara dari segi pengambilan tanah ini dari segi kita mengambil tanah ini tetapi kita membayar pampasan dengan wang. Cuma saya hendak

menyebutkan bahawa kalau sekiranya rakyat yang kita ambil tanah itu tidak mempunyai tanah lain, itulah sahaja tanah yang dimilikinya. Dan sekiranya diambil maka tanah itu tidak dapat dimiliki lagi tambah-tambah lagi dengan nilai tanah yang ada sekarang begitu mahal maka mereka tidak dapat membeli dengan pampasan yang kita beri itu. Oleh itu saya mencadangkan kepada Kerajaan supaya bagi mereka yang tertentu seperti ini supaya mengambil tanah diberi pampasan dengan tanah iaitulah tanah-tanah Kerajaan yang masih ada berdasarkan penilaian tanah yang kita ambil itu.

Misalnya, kita ambil tanah yang kita nilai katalah satu ekar \$20,000. Satu tanah yang kita ambil kerana pembinaan jalan. Maka satu ekar ini habis Kerajaan ambil dengan penilaian \$20,000. Kepada mereka yang terlibat ini yang benar tidak mempunyai tanah patut diberi satu tanah Kerajaan yang lain yang nilainya sama dengan \$20,000 ini, sama ada satu ekar itu nilainya dengan 10 ekar tanah Kerajaan yang lain yang patut diberi. Ini adalah kes bagi kes tertentu yang boleh menolong rakyat atau mereka yang tidak mempunyai tanah. Dan selalu penilaian yang diberi ini walaupun kita menggunakan penilaian pasaran, tetapi penilaian pasaran ini kebanyakan Pemungut Hasil Tanah menggunakan nilai yang dibuat di atas Surat-cara 14A Pemindahan Tanah. Ini sebenarnya penilaian dibuat oleh PHT ini adalah kebanyakannya adalah penilaian berdasarkan untuk membayar setem. Dan kebanyakan pembeli-pembeli tanah mengurangkan penilaian ini minta kalau boleh PHT kurangkan supaya setemnya tidak mahal. Jadi kalau pengambilan tanah berdasarkan ini sudah tentulah tidak adil kepada orang lain yang tanahnya kena ambil.

Jadi pada umumnya biarlah berdasarkan penilaian tanah ini benar-benar berdasarkan penilaian semasa itu yang sudah tentulah kita akan dapat

mengagakkan dari segi penilaian yang teliti beberapa penilaian tanah sebenarnya. Tetapi kebanyakannya berdasarkan nilai di atas surat-cara yang diberi ini adalah penilaian yang tidak tepat kerana penilaian yang diberi oleh PHT ini semata-mata untuk membayar setem bagi pemindahan tanah.

Selain daripada itu setengahnya ada penilaian betul tetapi tidak mahu menunjukkan nilai yang sebenar pembelian tanah itu dilakukan.

Saya juga bangkitkan kepada seksyen 8 bahawa dua tahun diberi masa untuk menjalankan sub-seksyen 3 iaitu menjalankan sebarang projek di atas tanah tersebut selama dua tahun diberi masa ini adalah wajar. Tetapi apa hal dengan tanah yang telah pun diambil oleh Kerajaan sama ada masuk dalam seksyen ini atau tidak, misalnya, tanah itu diambil untuk sekolah yang pada satu masa dulu dan tanah itu di atas nama Kerajaan Persekutuan sehingga 10 atau 20 tahun tanah itu masih atas nama Kerajaan Persekutuan dan sekolah yang didirikan itu telah dipindahkan ke lain, jadi tanah itu tidak digunakan.

Jadi apakah seksyen ini juga akan terbabit dengan tanah-tanah seperti ini yang tidak lagi digunakan untuk kemudahan awam tinggal kosong maka adakah tanah ini juga boleh dikembalikan kepada Kerajaan Negeri supaya tanah ini boleh buat kepada sebab-sebab pada kemudahan-kemudahan lain. Tidak lagi di bawah tanggungan Kerajaan Persekutuan.

Satu lagi pembayaran pampasan kepada tanah-tanah syarikat. Sebagaimana yang terbabit dalam seksyen 31 ialah kita akan menyebabkan salah pembayaran kepada tuanpunya tanah. Kebanyakan tanah-tanah syarikat ini sebenarnya satu tanah yang kita ambil itu dimiliki

oleh tiga, empat orang dan di atas tanah itu telah pun ada mereka yang telah memerintah di atas tanah tersebut.

Misalnya, tanah itu dimiliki oleh A, B dan C. Tetapi tanah yang diambil ialah bahagian A sahaja, bahagian A yang memerintah. Tetapi dalam urusan perbicaraan ini ceknya dibayar kepada ketiga-tiga orang. Inilah sebab-sebab daripada pembayaran ini berlaku pembayaran kepada mereka yang tidak berhak. Oleh itu minta kepada Kerajaan mengadakan satu peruntukan kuasa kepada PHT yang boleh menentukan berdasarkan tanah itu boleh membayar terus kepada orang yang memerintah dan tanah diambil. Tidak nanti mendapat persetujuan daripada B dan C kerana selalunya apabila setengah daripadanya apabila tengok duit semuanya hendak. Jadi dengan sebab itu berlaku salah pembayaran. Dan PHT kadang-kadang dia tengok kepada nama yang ada di geran tanah atau nama yang dipanggil terlibat. Jadi maknanya kuasa yang diberikan kepada PHT menentukan bahawa berdasarkan tanah yang diambil itu tanah si-A maka kepada si-A-lah yang dibayar bukan kepada si-B dan C. Kuasa ini perlu bagi PHT tidak payah mendapat persetujuan daripada pihak B dan C seperti saya contoh tadi.

Saya juga hendak menyentuh dalam seksyen 32 iaitu pertambahan kadar daripada 6% kepada 8% selepas Borang K dikeluarkan sekiranya pembayaran tidak dibayar oleh pihak-pihak agensi atau Kerajaan, maka selepas tiga bulan maka dikenakan 8%. Tetapi apa hal kalau sekiranya agensi itu tidak bayar sampai 5 tahun. Adakah 8% juga hendak dikenakan. Ini adalah satu perkara agak tidak adil kepada tuan tanah itu kalau sekiranya sebab tidak ambil wang itu disebabkan oleh pihak Kerajaan. Jadi 8% ini sepatutnya dihadkan dalam masa setahun, selepas

tiga bulan dalam masa setahun tidak dibayar patut dibayar 8% tetapi tahun yang kedua tidak dibayar oleh agensi patut dinaikkan 10% tiap-tiap tahun sepertimana yang patut diberi. Ini akan beri kemudahan kepada mereka yang terlibat dengan pengambilan tanah. Jadi pemberian 10% setahun adalah wajar dengan keadaan nilai tanah.

Saya rasa dalam masa setahun nilai tanah yang kita ambil itu kalau tidak dibayar dalam masa setahun atau dua tahun maka wang dibayar kepadanya pun akan menjadi kecil nilainya. Jadi selain daripada dibayar 8% selepas 3 bulan hanya had itu diberi dalam masa setahun sahaja. Masuk tahun kedua agensi itu tidak membayar atau Kerajaan tidak membayar juga wang ini maka sepatut dikenakan 10% tiap-tiap tahun yang berikut. Dan ini adalah memberi satu keadaan yang lebih baik dan juga memberi faedah yang lebih baik lagi kepada mereka yang terlibat.

Selain daripada itu juga dalam Seksyen 39 ada menyebut bahawa di dalam ini ialah dipindahkan supaya daripada 1,000 dinaikkan 1,500 sebarang bantahan yang dibuat oleh rakyat.

Sebenarnya kenaikan ini tidak payah dinaikkan, kalau dihapuskan lebih baik. Seolah-olah kita menghalang rakyat daripada membuat bantahan kepada sebarang apa yang dibuat oleh kita tidak menimbulkan puas hati. Kita tahu apabila satu bantahan diterima kita terpaksa menyiapkan Borang "O" dan sebagainya, dan terpaksa benda itu bawa ke mahkamah dan sebagainya tetapi kalau kita menaikkan kadar ini saya rasa bagi mereka yang miskin jawabnya kalau tidak puas hati, tidak puaslah dan tidak perlu baginya untuk dibawa ke mahkamah, hendak cari \$1,500 bukan senang. Jadi bayaran-bayaran seperti ini sepatutnya dihapuskan, sekurang-kurangnya memberi keadilan kepada mereka yang tidak puas hati ini hanya membuat

bantahan kerana tidak puas hati, tidak perlu apa-apa bayaran bukan sahaja dinaikkan sebagaimana yang dibangkitkan di sini.

Selain daripada itu usaha pengambilan tanah yang boleh mencatitkan tanah yang tinggal. Ini satu lagi perkara yang kita tahu bahawa pihak Kerajaan selalunya agensi-agensi akan mengambil tanah di tempat yang cantik, kalau boleh di tempat yang lembah, yang kena tambun banyak tidak diambil, yang diambil tempat yang cantik walaupun di tengah-tengah tanah itu menyebabkan tanah yang ditinggalkan itu akan terbiar, tidak dapat digunakan langsung. Jadi tanah-tanah seperti ini patut dinilai dengan lebih tinggi lagi selain daripada kalau tanah itu tinggal sedikit patut diambil semua sekali.

Misalnya kalau tanah itu setengah ekar diambil sedikit, yang bakinya lagi itu tidak boleh dibuat apa-apa.

Sepatutnya Kerajaan mengambil semua sekali tanah kerana ini telah pun ada dalam peruntukan yang diberikan di sini. Tetapi walau bagaimanapun, pada fikiran saya penilaian yang lebih tinggi patut diberi kepada kecederaan tanah seperti ini terutama di dalam pembinaan pendawaian elektrik misalnya. Banyak tanah-tanah yang diambil walaupun setengahnya dibayar nilai kecederaan tanah tetapi dengan peraturan yang ada bahawa tanah tidak boleh diambil oleh pihak LLN. Tetapi walaupun begitu sepatutnya ada peraturan supaya membolehkan tanah itu diambil misalnya kalau tanah itu setengah ekar dilalui oleh high tension line di tengah-tengahnya menyebabkan tanah itu tidak boleh digunakan langsung. Jadi kadang-kadang tidak dibayar tanah-tanah pertanian dengan harga yang tinggi dan inilah menyebabkan keadaan ini boleh menjadikan ketidakpuasan hati rakyat yang tanahnya diambil.

Dalam undang-undang ini ada juga menyebut dalam Seksyen 2 dalam Jadual Pertama tentang perkara ini dan satu lagi dalam memberi pilihan kepada Jabatan dan agensi-agensi Kerajaan sebagaimana yang dicamkan selalu bahawa tanah itu diambil di tempat yang cantik. Yang hendak diambil tempat yang cantik tetapi hendak bayar dengan harga yang murah. Inilah yang sudah berlaku dan ini sebenarnya kuasa yang lebih yang diberi kepada PHT patut diberi bahawa agensi-agensi yang hendak mengambil tanah tidak berhak memilih tanah-tanah yang cantik-cantik tetapi berhak mengecamkan beberapa cadangan tanah yang hendak diambil itu supaya dapat diberi pilihan.

Selain daripada itu dalam Fasal 5 ada menyebutkan bahawa seorang Hakim boleh mendengar rayuan dalam dispute tanah ini. Pindaan ini amat wajar bagi menyelesaikan masalah-masalah tanah, dispute tanah atau tanah-tanah yang menimbulkan masalah kerana sekarang ini sebagaimana kita tahu bahawa tuantuan tanah yang terlibat dengan pengambilan tanah tetapi tidak puas hati dan dibuat bantahan oleh tuannya tanah apabila dibawa ke mahkamah memakan masa bertahun-tahun. Jadi dengan pindaan ini saya berharap bahawa mana-mana tunggakan hal-hal tanah yang dibawa ke mahkamah ini akan dapat diselesaikan dengan segera kerana keadaan inilah satu daripada sebabnya sekiranya timbul rakyat yang tidak puas hati dengan sebarang pampasan yang dibayar atau sebarang hal yang bersabit dengan tanah tidak dibawa ke mahkamah. Selain daripada kena bayar dia terpaksa juga mencari lawyernya sendiri, peguamnya sendiri dan terpaksa juga menunggu bertahun-tahun. Inilah menyebabkan satu perkara yang boleh menganiaya kepada mereka yang hendak membuat bantahan.

Satu lagi dalam ubah syarat tanah sebagaimana yang kita tahu kita telah memberi arahan supaya dapat diselesaikan dalam masa 3 bulan. Saya mengalu-alukan perkara ini kerana dapat menyelesaikan dalam masa 3 bulan, tetapi dari segi praktiknya tidak terdapat perkara ini. Kalau memakan masa 6 bulan pun nasib baik. Ini oleh sebab beberapa kekurangan di dalam Pejabat Tanah mungkin dan juga terlampau banyak saluran yang hendak dilalui menyebabkan keputusan untuk mendapat sesuatu perkara di dalam ubah syarat atau sub-division dan juga sebarang yang mengurus dengan tanah yang berkehendakkan kelulusan pihak tertentu dapat diselesaikan lebih daripada 3 bulan. Kalau dapat 6 bulan adalah nasib baik dan ini disebabkan oleh beberapa kekurangan yang sama-sama kita telah mengetahui.

Selain daripada itu saya suka hendak menyebutkan tentang projek yang besar-besar misalnya projek jalan lebuh raya ataupun projek yang besar kebanyakannya mereka yang membuat design atau membuat reka bentuk jalan itu membuat arah ataupun alignment jalan itu mengikut atas kerusi sahaja, tidak melihat keadaan yang sebenarnya yang menyebabkan alignment jalan ini tidak mengikut arah yang sepatutnya. Kebanyakannya yang berdasarkan dibuat di Kuala Lumpur atau di ibupejabat, kadang-kadang dibawa ke tempat yang sebenarnya. Yang paling sedih sekali tanah yang diambil di tempat lain tetapi dibina tempat lain. Itu satu. Yang kedua, mengikut alignment itu arah yang terdapat itu kita tahu bahawa boleh dielakkan rumah misalnya tetapi oleh kerana buat di Kuala Lumpur atau reka bentuk dibuat di atas kerusi sahaja, tidak melihat tempat yang sebenar menyebabkan apabila jalan dibina kena tengah-tengah rumah padahal boleh dielakkan dengan keadaan yang sebenar. Ini menimbulkan kelambatan pembangunan jalan juga menyebabkan pengambilan tanah itu. Patut tanah itu diambil tempat lain ter-

paksa bina di tempat lain dan ini sudah tentu menerima bantahan daripada mereka yang terlibat.

Jadi pengambilan tanah ini hendaklah benar-benar dicamkan, reka bentuk yang hendak dibuat itu biarlah berdasarkan tempat, berdasarkan melihat sendiri di mana tempat-tempat yang hendak dibangunkan itu, bukan dibuat dengan duduk di ibu pejabat, tengok peta topo dan direka dengan keadaan yang begitu. Ini berlaku, banyak bukti-bukti yang saya boleh tunjukkan dan saya tidak mahu menyebut di sini kerana perkara ini terlampau banyak, tambah lagi dalam projek Kelantan Utara, di dalam projek-projek jalan-jalan lajang berlaku sebagaimana yang disebutkan ini. Patut tempat-tempat yang boleh dielak, tidak dielakkan kerana mereka ini membuat tanpa pergi kepada tempat yang sebenar hendak dibangunkannya itu dan akan berlakulah mengambil tanah di tempat lain dan kita bina jalan di tempat lain dan ini akan menimbulkan masalah sebagaimana yang berlaku di tempat saya sendiri.

Saya menyokong sebagaimana yang disarankan oleh Wakil dari Tanjong Karang tadi bahawa tanah 20 tahun masih lagi dibayar hasil. Ini berlaku, satu padang bola sekolah ditempat saya

pada masa mula-mulanya 20 tahun dahulu tempat itu diberi sahaja untuk buat padang bola sekolah tetapi orang ini tanah itu masih namanya lagi dan masih dia membayar hasil. Maka dia datang kepada saya minta diuruskan supaya dia mendapat pampasan. Tanah itu tidak banyak, setengah ekar tetapi tanah di padang bola dekat sekolah kalau setengah ekar sekarang sudah dekat \$30,000-\$40,000 tetapi pada masa mula hendak buat padang bola dia beri sahaja setengah ekar, ambillah sebab tanah itu jauh daripada bandar, tetapi sekarang telah jadi bandar, 20 tahun lebih. Jadi tuanpunya tanah keluarganya sudah tua tetapi anaknya yang cerdik-cerdik yang keluar dari universiti datang berjumpa kita minta supaya dibayar pampasan kerana tanah ini masih nama dia lagi dan masih emaknya membayar hasil tanah yang setengah ekar itu.

Tuan Yang Dipertua: Masa sudah cukup. Yang Berhormat boleh sambung esok.

Mesyuarat ditangguhkan kepada 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.